



Vol. 37 Jun 2011

# jurnal

---

SOCIAL

KEBAJIKAN  
MASYARAKAT

---

WELFARE JOURNAL



**jurnal** KEBAJIKAN  
MASYARAKAT  
SOCIAL WELFARE JOURNAL

## **LEMBAGA PENGARAH**

---

**Penasihat** Tuan Haji Hadzir Md. Zain

**Ketua Pengarang** Cik Norani Bt. Hj. Mohd Hashim

**Sidang Pengarang**

Encik Sharudin Shar Kashim  
Encik Mohd Fazari b. Mohd Salleh  
Puan Wan Noraidah Wan Mohd Zain  
Puan Zaitol Salleh  
Puan Mumtaj Begum Mohd Sultan  
Cik Yeoh Joo Ai  
Cik Chan Soak Fong

Jurnal Kebajikan menggalakkan penulisan mengenai masalah dan keperluan masyarakat dalam bentuk rencana, ulasan buku, profil pengasas kebajikan masyarakat, penyelidikan dan seumpamanya dengan hasrat dapat menambah, meningkat dan meluaskan pengetahuan dalam hal ehwal kebajikan masyarakat.

**Terbitan** Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6, 9-18, No.55 Persiaran Perdana,  
Presint 4,  
62100 PUTRAJAYA  
<http://www.jkm.gov.my>  
Telefon : 83231000      Fax : 83232094

<u>BIL</u>	<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
1.	<b>Kemiskinan dan Keciciran Dalam Pendidikan</b> Oleh : Dr. Zakiyah Jamaluddin, Universiti Putra Malaysia	5
2.	<b>Amalan Tadbir Urus Organisasi Bukan Untung (NPO) : Penelitian ke atas Penyelenggaraan Rekod Kewangan Rumah Anak Yatim</b> Oleh : Dr. Suraiya Ishak Universiti Kebangsaan Malaysia	21
3.	<b>Kanak –Kanak Jalanan Sabah</b> Oleh : Mohd Sharani Ahmad, Risalshah Latif dan Wan Anor Wan Sulaiman Universiti Malaysia Sabah	43
4.	<b>Konflik Pengguguran Janin Berkeluarga dan Tidak Berkeluarga di dalam Masyarakat : Hukum, Fatwa, Undang-Undang dan Penyelesaiannya</b> Oleh : Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi, Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa dan Dr. Hj. Zulkifli Mohamed al-Bakri Universiti Sains Islam Malaysia	57
5.	<b>Penyertaan dan Keperkasaan Dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Tinjauan Dari Sudut Pandangan Dunia Komuniti Bidayuh Luar Bandar</b> Oleh : Novel Lyndon Universiti Kebangsaan Malaysia	81
6.	<b>Physical Activity and Motor Skills Performance for Children With Visual Impairment</b> Oleh : Nagoor Meera Abdullah Universiti Teknologi Mara	107



# **KEMISKINAN DAN KECICIRAN DALAM PENDIDIKAN**

Dr Zakiyah Jamaluddin

Program Kerja Sosial  
Jabatan Psikologi dan Kerja Sosial  
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial  
Kolej Sastera dan Sains  
Universiti Utara Malaysia  
[zakiyah@uum.edu.my](mailto:zakiyah@uum.edu.my)

## **Abstrak**

Kemiskinan ialah satu keadaan di mana seseorang itu kekurangan keperluan asas dalam kehidupan. Dalam masyarakat moden, kemiskinan biasanya disamakan dengan masalah kekurangan wang. Dalam usaha mewujudkan masyarakat yang berilmu dan berpengetahuan, kajian lapangan ini telah mengupas kaitan antara kemiskinan dengan pendidikan. Didapati bahawa kemiskinan merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada berlakunya masalah keciciran anak-anak dalam pendidikan. Kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah temubual dalam mendapatkan maklumat. Kajian lapangan telah dilakukan bersama empat buah keluarga di daerah Kubang Pasu, Kedah. Dalam memberi bantuan kepada keluarga yang dipilih, maka peranan pekerja sosial ditekankan kepada pelajar-pelajar jurusan kerja sosial iaitu antaranya sebagai pendidik (educator), penghubung (broker) dan pemudah cara (facilitator).

Kata kunci : kemiskinan, keciciran, pekerja sosial

## **Pengenalan**

Menurut Ungku Aziz (1964), miskin bermaksud tidak memperolehi pendapatan yang dapat memenuhi keperluan asas yang utama, atau tidak mendapat makanan yang mempunyai zat yang diperlukan untuk kesihatan badan serta tidak dapat memenuhi dan mengekalkan kecekapan fizikal. Manakala Booth (dalam Holman, 1978) menyatakan miskin boleh diuraikan sebagai seseorang yang hidup dalam keadaan yang susah untuk memenuhi keperluan-keperluan hidup yang mencukupi. Rowntree (dalam Holman, 1978) pula menjelaskan bahawa kemiskinan sebagai ketidakcukupan memenuhi keperluan asas di peringkat secukup hidup untuk mempertahankan kecekapan fizikal.

Sementara Syed Husin Ali (1978) menyatakan kemiskinan bererti satu keadaan kekurangan yang merangkumi kekurangan daripada mendapatkan beberapa keperluan hidup iaitu keperluan asasi (makanan, tempat tinggal dan pakaian) serta keperluan sosial (seperti pendidikan, perubatan, bekalan api dan air serta kenderaan). Beliau juga menjelaskan bahawa golongan miskin ialah mereka yang tidak mampu atau tidak berkebolehan mendapatkan seluruh keperluan tersebut. Manakala golongan miskin kronik ialah golongan yang tidak mampu untuk mendapatkan keperluan asasi. Ishak Shari (1996) mendefinisikan kemiskinan sebagai satu keadaan apabila sesebuah isi rumah tidak memperolehi pendapatan yang cukup

bagi menampung sejumlah perbelanjaan untuk keperluan asas yang minimum seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan asas bukan makanan.

Bank Dunia pula menganggap kemiskinan sebagai pemunggiran dari kesempurnaan hidup (World Bank, 2008). Ia merupakan pemunggiran material yang berkait rapat dengan kekurangan pendapatan dan kekurangan penggunaan (*low consumption*) di mana kedua-dua faktor ini selari dengan kekurangan zat makanan dan keadaan hidup yang daif. Bank Dunia berpendapat bahawa definisi kemiskinan yang lebih tepat dan diterima ramai adalah kemiskinan yang berkait dengan kemiskinan kemanusiaan yang disebabkan oleh tahap kesihatan dan pendidikan yang rendah (faktor dan akibat).

Bank Dunia (World Bank, 2008) mentakrifkan kemiskinan sebagai penghidupan dengan perbelanjaan kurang daripada US\$2 (RM6) sehari. Manakala bagi mereka yang hidup dengan perbelanjaan kurang daripada US\$ 1.25 (RM3.75) sehari, dianggap menghadapi kemiskinan yang keterlaluan. Bagi garis kemiskinan \$1.25 (RM3.75) sehari, mendapati bahawa 1.4 juta penduduk dunia berada di garis kemiskinan ini atau di bawah garis kemiskinan. Jumlah ini lebih banyak berbanding kira-kira 984 juta penduduk dengan ukuran \$1 (RM3) sehari pada tahun 2004.

Manakala keciciran dalam pendidikan bermaksud seseorang yang tidak dapat meneruskan persekolahan. Fenomena keciciran dalam pendidikan sudah dibincangkan secara serius sejak tahun 1960an lagi sehingga membawa kepada pembentangan Laporan Murad 1972. Menurut kajian, 40% pelajar sekolah di Malaysia mengalami keciciran. Manakala 35% pelajar sekolah yang berada di antara Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga, tercicir dalam persekolahan (Murad Mohd Noor, 1973).

Laporan ini menyimpulkan bahawa anak-anak yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah sering tercicir dalam pelajaran kerana ibu bapa tidak mampu untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Taraf kelulusan ibu bapa yang rendah turut mempengaruhi kesedaran mereka mengenai kepentingan pendidikan dalam kalangan anak-anak. Berdasarkan Laporan Murad, antara faktor keciciran dalam pendidikan ialah status sosio ekonomi (taraf pekerjaan ibu bapa dan taraf kelulusan ibu bapa), pendidikan dan pekerjaan, sikap guru terhadap pelajar, sikap terhadap subjek sains dan jarak ke sekolah.

## Konsep kemiskinan

Kemiskinan boleh dibahagikan kepada empat bentuk iaitu kemiskinan relatif, kemiskinan mutlak, kemiskinan struktural dan kemiskinan normatif. Kemiskinan relatif adalah berasaskan kriteria subjektif seperti merasa diri miskin atau tidak, atau merasakan orang lain mempunyai kekurangan atau ketiadaan keperluan seperti wang, pakaian dan kemudahan asas. Kemiskinan relatif biasanya diukur dengan membandingkan pendapatan dalam masyarakat iaitu membandingkan purata pendapatan dan bahagian pendapatan daripada pendapatan negara kasar (KNK) di antara berbagai-bagi kumpulan penduduk, seperti purata pendapatan mengikut etnik atau kawasan kediaman (bandar dengan luar bandar).

Sementara kemiskinan mutlak pula mengambil kira satu garis tertentu bagi menentukan kemiskinan seseorang dan ia seringkali berasaskan jumlah pendapatan. Kemiskinan struktural pula menekankan kekurangan peluang bagi orang miskin, misalnya kekurangan peluang pekerjaan. Manakala kemiskinan normatif merujuk kepada beberapa kumpulan yang dianggap sebagai miskin, contohnya golongan penganggur, warga tua, pesakit mental, Orang Kurang Upaya (OKU) dan pendatang tanpa izin.

Terdapat beberapa dimensi dalam kemiskinan iaitu dimensi ekonomi, sosio budaya, pendidikan, kesihatan, temporal, ruang, gender dan alam sekitar (Chamhuri Siwar, 2001). Dimensi ekonomi merujuk kepada keadaan kekurangan daripada paras keperluan asas tertentu seperti kurang pendapatan, matawang mahupun modal. Dimensi sosio budaya merujuk kepada budaya kemiskinan dan memerlukan perubahan kepada sikap positif. Bagi dimensi pendidikan, ia melihat kemiskinan dalam konteks miskin minda, pengetahuan, serta ilmu/pelajaran. Seringkali konsep lingkaran kemiskinan (*vicious cycle*) dirujuk bagi melihat kemiskinan dalam dimensi pendidikan. Dimensi kesihatan menekankan kepada kurang pengambilan protein, kebuluran, kerencatan akal dan fizikal. Bagi kemiskinan temporal ia berlaku secara bermusim, misalnya pengangguran dan kemelesetan ekonomi. Dimensi ruang memfokuskan kepada kemiskinan yang berlaku di desa dan bandar. Sementara dimensi gender melihat kemiskinan dalam konteks wanita atau ibu tunggal. Dimensi alam sekitar memberi perhatian kepada persekitaran ekologi yang rapuh, degradasi alam sekitar dan pencemaran.

Kemiskinan di Malaysia seringkali didefinisikan sebagai miskin dari segi pendapatan dan diukur melalui Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi membezakan antara

golongan miskin dengan yang tidak miskin. PGK merujuk kepada suatu jumlah pendapatan minimum untuk membolehkan isi rumah secara purata menikmati makanan berzat yang mencukupi bagi menjalankan aktiviti harian dan membuat perbelanjaan lain untuk mengekalkan suatu tingkat hidup yang selesa (Rancangan Malaysia Kelapan, 2001; Ragayah Mat Zin, 2007). PGK ditentukan berasaskan pendapatan atau perbelanjaan penggunaan. Penentuan adalah berasaskan kebijakan purata masyarakat (berdasarkan definisi relatif) atau ditentukan oleh kepuasan daripada keperluan asas (berdasarkan definisi mutlak). Namun ia bukan konsep kemiskinan yang menyeluruh yang boleh mencerminkan kemiskinan dari semua dimensi. Ini kerana penggunaan PGK sahaja tidak dapat menggambarkan sejauh mana masalah kemiskinan yang dialami oleh isi rumah (Ragayah Mat Zin, 2005; 2007). PGK semasa yang ditetapkan ialah sebanyak RM720 bagi Semenanjung Malaysia, RM830 di Sarawak dan RM960 di Sabah (Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006).

## **Latar belakang klien**

Sebanyak empat buah keluarga di daerah Kubang Pasu, Kedah, dipilih sebagai klien dalam kajian ini. Maklumat berkenaan klien diperolehi sama ada melalui pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kubang Pasu, Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan Kampung (JKKK) ataupun penduduk di sekitar kampung-kampung di sekitar Changlun dan Kodiang. Kajian ini dijalankan sekitar bulan Mac hingga April 2010. Data diperolehi melalui kaedah temubual. Dalam konteks kajian ini, para pelajar jurusan kerja sosial telah ditugaskan untuk menemubual dan melakukan intervensi terhadap keempat-empat klien. Dengan cara ini, pengkaji bersama-sama dengan pelajar jurusan kerja sosial yang memainkan peranan sebagai pelatih pekerja sosial mendapat pendedahan terhadap permasalahan keempat-empat klien ini.

Klien pertama iaitu En Ahmad, berusia 45 tahun, tinggal di sebuah kampung di Changlun. Bekerja sebagai penoreh getah dengan pendapatan sekitar RM400 sebulan. Namun demikian, pendapatan ini dibahagi dua dengan tuan tanah. Bagi menampung keluarganya yang terdiri dari seorang isteri dengan tiga orang anak, beliau bekerja sampingan memotong rumput dan diberi upah di antara RM10-RM15 untuk sekali perkhidmatan. Di samping itu beliau juga membantu jirannya memelihara kambing. En Ahmad pernah mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) antara tahun 2002 sehingga awal 2003 sebanyak RM50 sebulan. En Ahmad dan isteri mempunyai taraf pendidikan sehingga darjah enam sahaja.

Klien kedua iaitu En Razie, 42 tahun, tinggal di Kodiang dan dikurniakan lima orang anak. Beliau bekerja sebagai buruh kasar di sebuah kilang papan dengan pendapatan sebanyak RM400 sebulan. En Razie dan isteri berkelulusan SRP. Sebelum ini, En Razie telah mendapat bantuan rumah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan menetap di situ selama 17 tahun. Namun setelah ibu En Razie meninggal dunia, mereka menetap di rumah pusaka arwah ibunya dan memberikan rumah PPRT tersebut kepada sepupunya. Mereka juga pernah mendapat bantuan daripada JKM sebanyak RM200 sebulan yang diterima sejak tahun 2009 hingga 2010.

Klien ketiga iaitu En Kadir, tinggal di Kodiang dan mempunyai seorang isteri dan empat orang anak. En Kadir tidak mempunyai pekerjaan tetap dan pernah bekerja sebagai buruh, pelayan kedai makan dan pekerja kilang. En Kadir disahkan menghidap kanser tulang sejak November 2009. Oleh itu, keluarga En Kadir bergantung kepada pendapatan isterinya Pn Azah sebagai penoreh getah. Walau bagaimanapun, pendapatannya tidak menentu dan terpaksa dibahagi dua dengan tuan punya ladang getah. Untuk menambah pendapatan, Pn Azah mengambil upah menanam padi. Menurut Pn Azah, suaminya pernah terlibat dalam penyalahgunaan bahan. Oleh yang demikian, masyarakat kampung memandang serong terhadap mereka dan akan menuduh En Kadir mencuri barang mereka jika ada barang yang hilang. Menurut ibu Pn Azah pula, pernah beberapa kali menantunya dituduh mencuri terutamanya terhadap barang yang berada di luar rumah seperti basikal dan mesin getah. En Kadir berpendidikan sehingga Tingkatan Tiga, manakala Pn Azah sehingga Tingkatan Lima. Mereka memperolehi Bantuan Kanak-Kanak (BKK) daripada JKM iaitu sebanyak RM100 sebulan untuk setiap anak-anaknya

En Kadir sekeluarga pula sebelum ini menetap bersama ibu bapa En Kadir di Sintok. Namun pada tahun 2001, terdapat seorang penduduk yang bermurah hati memberikan rumahnya kepada En Kadir berikutan beliau tidak mempunyai waris. Rumah tersebut diberikan selepas beliau meninggal dunia. Oleh kerana ia tidak memberi tapak rumah kepada En Kadir, maka En Kadir bersama beberapa orang penduduk kampung bergotong royong mengubah kedudukan rumah ke tapak baru iaitu di tanah rizab kerajaan yang tidak jauh dari situ. Rumah yang dimiliki ini agak kecil dengan hanya sebuah ruang tamu, sebuah dapur dan sebuah bilik tidur. Rumah ini juga tiada tandas dan mereka menumpang di rumah ibu Pn Azah jika mahu menggunakan tandas.

Sementara klien keempat iaitu Pn Manis ialah seorang ibu tunggal yang mempunyai tiga orang anak dan menetap di Changlun. Berpendidikan setakat darjah dua, beliau tidak bekerja dan hanya bergantung kepada bantuan daripada JKM sebanyak RM200 sebulan. Beliau sebelum ini pernah bekerja di kantin sekolah dan kadangkala mengambil upah menyapu sampah, namun ketiadaan pengangkutan menyebabkan beliau memilih untuk berhenti kerja. Pn Manis sekeluarga mendiami rumah PPRT sejak tahun 2003.

Didapati bahawa kesemua klien lebih mengutamakan untuk memenuhi keperluan sehari-hari berbanding memfokuskan kepada pendidikan anak-anak mereka.

### **Kemiskinan dan persekolahan anak-anak**

Didapati bahawa kesemua klien memiliki rumah yang agak kecil dengan ruang yang agak sempit. Ini menyebabkan anak-anak terpaksa belajar di ruang tamu. Namun demikian, ruang tamu itu juga digunakan untuk menjalankan pelbagai aktiviti harian sepanjang hari. Keadaan di dalam rumah yang panas, atap rumah yang bocor dan sesetengah papan telahpun reput dan dimakan anai-anai, menyebabkan anak-anak klien tidak dapat belajar dengan selesa.

Kemiskinan juga menyekat keupayaan mereka untuk membeli, menyimpan dan membaca buku. Ibu bapa tidak dapat menyediakan buku latihan tambahan untuk anak-anak mengulangkaji. Mereka hanya bergantung kepada pemberian buku teks oleh pihak sekolah. Peralatan sekolah seperti alatulis juga tidak dapat disediakan dengan sempurna. Kebiasaannya juga anak-anak akan menggunakan kemudahan yang terdapat di sekolah seperti perpustakaan dan makmal komputer. Ini berkait rapat dengan faktor bahawa kanak-kanak dalam kalangan isi rumah yang miskin umumnya mempunyai tahap pencapaian yang rendah. Antara cabaran yang menghalang kanak-kanak daripada isi rumah ini untuk menyertai secara berkesan dalam sistem pendidikan termasuk tahap pendapatan keluarga yang rendah, persekitaran di rumah yang tidak kondusif kepada pembelajaran dan kekurangan sumber kewangan untuk membeli peralatan sekolah. Selain itu, kesukaran dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti di kawasan pendalaman yang mana terdapat bilangan pelajar yang kecil dan cabaran untuk mengekalkan guru telah mengekang kapasiti kanak-kanak untuk meningkatkan prestasi pendidikan mereka (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2010).

Anak perempuan sulung En Ahmad berusia 27 tahun, hanya bersekolah setakat Tingkatan Tiga sahaja, telah berkahwin dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Anak perempuan kedua pula berkelulusan SPM dan bekerja sebagai juruwang di sebuah pusat membeli belah di Changlun. Manakala anak ketiga, 12 tahun, adalah orang kurang upaya (OKU) yang mengalami *sindrom down*. Anak bongsunya mendapat bantuan JKM sebanyak RM150 sebulan. Beliau mula bersekolah pada usia sembilan tahun. Hasil pendidikan yang diterima di PDK, anak bongsunya mula sudah semakin berdikari dan pandai bergaul. Keadaan kemiskinan juga menyukarkan mereka untuk meneruskan pelajaran sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Anak keduanya pernah memasuki Tingkatan Enam, namun akibat tidak mendapat biasiswa, beliau berhenti sekolah enam bulan setelah memasuki Tingkatan Enam.

Hasil temubual mendapati bahawa anak pertama En Kadir langsung tidak tahu membaca dan mengeja walaupun telah memasuki darjah lima. Begitu juga dengan anak keduanya yang tidak menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Hanya anak ketiga yang diharapkan kerana dilihat agak berpotensi dalam pelajaran. Kekurangan kemudahan di rumah seperti tiadanya ruang belajar menyebabkan anak-anaknya tidak dapat memberi tumpuan terhadap pembelajaran dan terpaksa mengulangkaji di tengah-tengah kebisingan adik beradik yang lain. Walaupun anak-anak En Kadir masih bersekolah, namun daripada dapatan kajian dapat menunjukkan bahawa anak-anaknya berisiko mengalami keciciran dalam pendidikan.

Anak kedua En Razie berhenti sekolah semasa di Tingkatan Empat. Anak pertama dan kedua En Razie mengambil inisiatif membantu bapa mereka mencari wang tambahan bagi menampung perbelanjaan sehari-hari dan persekolahan adik-adik mereka. Anak sulungnya bekerja sebagai pelayan di sebuah gerai berdekatan dengan rumah. Manakala anak kedua membantu jiran menjual kuih apam balik di pasar malam. Anak ketiga (15 tahun), yang merupakan anak perempuan juga tidak berminat ke sekolah akibat malu dengan perbuatannya yang suka mengambil barang orang. Walaupun En Razie dan isteri memarahi dan menasihati anak-anak mereka agar meneruskan persekolahan, namun mereka enggan menyambung pelajaran. Apa yang membimbangkan En Razie dan isteri ialah anak keempatnya (11 tahun) juga menunjukkan ciri-ciri tidak berminat ke sekolah.

Sama seperti apa yang menimpa keluarga En Razie, anak-anak Pn Manis turut bekerja bagi menampung keperluan harian. Anak sulungnya (29 tahun) telah berhenti sekolah pada umur 13 tahun. Masalah kewangan dan pengangkutan

merupakan antara faktor mengapa anak Pn Manis berhenti sekolah. Setelah berhenti sekolah, beliau bekerja di salah sebuah kafe di kolej kediaman pelajar di salah sebuah IPTA selama 15 tahun. Selepas itu beliau bekerja di sebuah kedai mencuci kereta di Changlun dan kini bekerja sebagai pembantu kedai di Pulau Pinang. Anak keduanya juga berhenti sekolah semasa di Tingkatan Dua dan berkahwin selepas berhenti sekolah. Beliau kini sudahpun bercerai dengan suaminya dan mempunyai seorang anak. Mereka tinggal bersama dengan Pn Manis dan anak bongsunya. Anak bongsunya masih bersekolah di Tingkatan Dua. Beliau sepatutnya berada di Tingkatan Tiga, namun kerana tidak mendaftar pada awal sesi persekolahan, maka dia terpaksa memasuki Tingkatan Dua pada usia 15 tahun. Anak bongsunya ini mengambil upah mengasuh anak jiran selepas waktu sekolah bagi menampung perbelanjaan persekolahannya.

### **Strategi yang dilakukan**

Pekerja sosial mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri. Antara peranan yang boleh dimainkan oleh pekerja sosial apabila bekerja dengan klien dalam konteks komuniti ialah berperanan sebagai pendidik (*educator*), penghubung (*broker*) dan pemudahcara (*facilitator*). Ia dapat menghubungkan klien dengan sumber-sumber yang dapat meningkatkan kefungsian sosial mereka serta memberi pendedahan dalam mendapatkan maklumat (Zastrow & Kirst-Ashman, 2010).

Pada dasarnya, semua bentuk pertukaran maklumat merupakan bentuk pendidikan. Pekerja sosial dapat berperanan sebagai pendidik (*educator*) apabila terlibat dalam sesuatu proses aktiviti dan hasil kepada sesuatu aktiviti. Ia juga berkait rapat dengan pencegahan pelbagai keadaan yang dapat menghambat kepercayaan individu serta kapasiti individu dan komuniti. Pendidikan adalah bentuk kerjasama antara pekerja sosial dengan klien. Dalam konteks memberi pendidikan, klien mempunyai potensi dan sumber yang dapat digunakan dalam proses pembelajaran. Secara tidak langsung akan berlaku saling pergantungan di antara pekerja sosial dengan klien semasa proses pembelajaran berlaku.

Pekerja sosial berperanan sebagai penghubung (*broker*) dengan membantu menghubungkan klien dengan sesebuah organisasi atau perkhidmatan. Selain itu, ia juga membantu meletakkan kepelbagaiannya segmen dalam sesuatu perhubungan di antara individu dengan komuniti yang lain bagi meningkatkan pertukaran pendapat atau minat masing-masing. Selain itu, dalam sesebuah sistem mezzo dan makro, ia memerlukan seseorang pekerja sosial itu biasa dengan sesebuah komuniti atau

perkhidmatan komuniti itu dan mempunyai pengetahuan umum tentang keperluan-keperluan yang dikehendaki dan sensitif dengan keperluan klien. Misalnya, seorang penghubung boleh membantu klien mendapatkan makanan atau perlindungan semasa kecemasan, atau membantu warga emas mendapatkan perlindungan atau rumah untuk warga tua.

Sebagai seorang penghubung, seseorang itu mestilah mempunyai pengetahuan yang luas tentang sumber-sumber komuniti supaya mereka boleh membuat rujukan yang sewajarnya. Pengetahuan tentang polisi yang berkaitan dengan sistem sumber dan hubungan kerja adalah penting untuk proses rujukan yang berjaya. Pekerja sosial juga bertanggung jawab membentuk mekanisme rujukan yang mudah dan berkesan serta cara pemantauan yang efisyen untuk mengetahui sama ada klien mereka mampu mencapai apa yang mereka kehendaki.

Manakala sebagai pemudahcara pula, pekerja sosial misalnya dapat menentukan motivasi dan persiapan klien untuk berubah. Pemudahcara dan klien sama-sama harus mengetahui dengan jelas tentang harapan, perspektif, dan perhubungan secara timbal balas. Setelah intervensi dilaksanakan, adalah penting untuk menstabilkan perubahan-perubahan yang telah dicapai melalui sokongan, dorongan, kekuatan dan ketetapan. Dengan cara ini, pekerja sosial bukan sahaja berperanan sebagai pemudahcara, tetapi juga dapat memastikan agar perkhidmatan terhadap klien dapat dilakukan dengan sebaik mungkin.

Dalam hal ini, beberapa strategi telah dilakukan oleh pelajar jurusan kerja sosial sebagai pekerja sosial bagi meningkatkan kefungsian klien dan keluarga mereka serta dapat meningkatkan taraf pendapatan dan kehidupan mereka melalui peranan sebagai pendidik, penghubung dan pemudahcara. Melalui peranan pekerja sosial sebagai penghubung, pelajar cuba mendapatkan maklumat di pejabat Jabatan Haiwan bagi mendapatkan peruntukan untuk penternakan kambing yang ingin diusahakan oleh En Ahmad. Pelajar juga memberi cadangan kepada keluarga En Razie agar merujuk anaknya ke JKM bagi menyambung kembali persekolahannya yang tertangguh selama dua tahun lebih. Pelajar cuba merujuk anak klien ke JKM bagi mendapatkan sesi kaunseling. Selain itu, pelajar cuba mendapatkan maklumat dan borang untuk anak sulung En Razie bagi mengikuti kursus kemahiran yang dianjurkan oleh pihak MARA. Pelajar juga pergi ke pejabat GIATMARA bagi mengambil borang untuk anak kedua En Razie bagi mengikuti kursus kemahiran. Syarat-syarat kemasukan ialah berumur 15 tahun, pandai membaca, menulis dan mengira. Nasihat, bimbingan dan motivasi turut diberikan kepada anak keempat dan kelima beliau bagi memberi kesedaran tentang pentingnya pendidikan kepada mereka.

Bagi En Kadir dan Pn Azah yang berminat dengan perniagaan, pelajar berperanan sebagai pendidik dengan memberi maklumat tentang cara-cara bagaimana untuk menceburkan diri dalam perniagaan. En Kadir berminat untuk mencebur perniagaan nasi ayam madu. Pelajar memberi cadangan agar En Kadir membuat pinjaman melalui sama ada JKM, AIM ataupun MARA.

Maklumat-maklumat yang diperolehi cuba disalurkan kepada klien. Dalam masa yang sama, pelajar telah berperanan sebagai pemudahcara. Sebagai pemudahcara, pelajar memainkan peranan dalam menunjuk cara organisasi ke arah pembangunan dan peningkatan diri dan taraf hidup klien. Dalam menjalankan peranan sebagai pendidik, pelajar berusaha memberi maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan oleh sesebuah agensi atau organisasi serta memberi nasihat kepada kehidupan yang lebih baik. Sebagai penghubung, pelajar bertindak menghubungkan klien dengan agensi atau organisasi yang boleh memberikan perkhidmatan kepada mereka.

## **Penutup**

Kemiskinan bukanlah faktor utama semata-mata yang menyebabkan keciciran dalam pendidikan. Namun demikian, tidak dinafikan faktor kemiskinan dapat menghalang keinginan dan keupayaan seseorang untuk berjaya dalam pendidikan. Keadaan ini akan diburukkan lagi apabila tiada motivasi daripada pelbagai pihak misalnya ibu bapa, keluarga, sekolah dan rakan sebaya. Pelajar memainkan peranan sebagai pekerja sosial dapat membantu meningkatkan kefungsian sosial klien melalui peranan yang mereka mainkan sama ada sebagai pendidik, penghubung ataupun sebagai pemudahcara. Jika anak-anak mereka tidak dapat lagi meneruskan persekolahan, maka pelajar sebagai pekerja sosial boleh memainkan peranan menyalurkan maklumat dan memberi bantuan tentang hala tuju kehidupan mereka misalnya dengan melengkapkan diri dengan kemahiran. Dalam masa yang sama, kefungsian sosial ibu bapa juga dapat ditingkatkan melalui penyaluran maklumat tentang peluang-peluang sedia ada yang dapat meringankan beban mereka akibat kemiskinan.

Secara tidak langsung, melalui strategi yang dilakukan ini akan membolehkan klien serta anggota keluarga mereka berusaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Ini bagi membolehkan mereka menggunakan segala peluang dan kemahiran yang ada agar mereka tidak hanya bergantung kepada bantuan daripada agensi-agensi kerajaan seperti JKM semata-mata.

## Rujukan

- Chamhuri Siwar. (2001). *Pembangunan mapan: Strategi “Menang-menang” untuk pembasmi kemiskinan dan pemuliharaan alam sekitar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Holman, R. (1978). *Poverty: Explanations of social deprivation*. London: Martin Robertson & Co.
- Ishak Shari. (1996). *Liberalisasi ekonomi dan implikasinya terhadap usaha pembasmi kemiskinan di Malaysia*. Kertas kerja Bengkel Rancangan Malaysia Ketujuh : Penerusan usaha membasmi kemiskinan. 7-8 Mei. Yayasan Sabah, Kota Kinabalu.
- Murad Mohd Noor. (1973). Laporan Jawatankuasa di atas Kajian Pendapat Mengenai Pelajaran dan Masyarakat (Laporan Keciciran). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perangkaan.
- Ragayah Mat Zin. (2005). Revisiting Urban Poverty and the Issue of Social Protection in Malaysia. Dalam Zhang Yun Ling (Ed.) *Emerging Urban Poverty and Social Safety Net in East Asia* (219-270). Beijing: World Affairs Press.
- Ragayah Mat Zin. (2007). Understanding the formulation of the revised poverty line in Malaysia. *Akademika*. 70: 21-39.
- Rancangan Malaysia Kelapan. (2001). *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendaftaran Negara.
- Rancangan Malaysia Kesembilan. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendaftaran Negara.
- Rancangan Malaysia Kesepuluh. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendaftaran Negara.
- Syed Husin Ali. (1978). *Kemiskinan dan kelaparan tanah di Kelantan : satu penyelidikan sosio ekonomi di Kelantan*. Petaling Jaya: Karangkraf Sdn. Bhd.
- Ungku Aziz. (1964). Poverty and rural development in Malaysia. *Kajian Ekonomi Malaysia*. 1(1), 70-96.

World Bank. (2008). The World Bank Annual Report: Year in review.  
[http://siteresources.worldbank.org/INTGLOMONREP2008/.../8944\\_Web\\_PDF.pdf](http://siteresources.worldbank.org/INTGLOMONREP2008/.../8944_Web_PDF.pdf)

Zastrow, C.H. & Kirst-Ashman, K.K. (2010). *Understanding Human Behavior and the Social Environment*. USA: Cengage, Brooks/Cole.

\* Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pelajar-pelajar kursus Masyarakat, Kemiskinan dan Program Kebajikan, 2009/2010, Program Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, yang terlibat dalam kajian ini.



# **AMALAN TADBIR URUS ORGANISASI BUKAN-UNTUNG (NPO): PENELITIAN KE ATAS PENYELENGGARAAN REKOD KEWANGAN RUMAH ANAK YATIM**

Suraiya Ishak

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor

## **Abstrak**

Organisasi Bukan Untung (NPO) berperanan penting dalam pembangunan khususnya dalam konteks masyarakat pluralistik. Selaku organisasi yang mendapat sumbangan dana daripada pelbagai pihak sejumlah akauntabiliti perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Hal yang demikian menyebabkan isu tadbir urus entiti NPO seperti rumah anak yatim turut relevan dibincangkan di bawah skop tadbir urus insitusi. Makalah ini telah meneliti aspek tadbir urus rumah anak yatim dengan menilai amalan rekod perakaunan dan pelaporan kewangan beberapa rumah anak yatim di kawasan Hulu Langat Selangor. Teknik survey temubual telah dilakukan bagi memperolehi data dari lapangan. Kajian ini mendapati pelaksanaan tadbir urus dalam skop pengendalian dan kecukupan rekod perakaunan adalah masih di tahap sederhana rendah dan memerlukan penambahbaikan. Ini kerana, meskipun penubuhan dan pengoperasian rumah anak yatim adalah aktiviti filantrofi yang berbentuk sukarela, tetapi kewajipan akauntabiliti pengurusan telah meningkat sebaik sahaja sumbangan diterima daripada pihak luar. Pada akhir makalah, beberapa cadangan kajian akan datang turut dihuraikan.

Kata kunci: Etika, Tadbir Urus, Filantrofi, Akauntabiliti, Hubungan Agensi, Organisasi Bukan Untung, NGO

## **Pengenalan**

Secara umumnya, kebijakan masyarakat dapat dipenuhi menerusi peranan tiga sektor utama iaitu sektor kerajaan, swasta dan sektor bukan-untung (NPO). Peranan yang dimainkan oleh sektor bukan untung (NPO) yang bercirikan kegiatan sukarela dan filantrofi dapat melengkapkan proses penyampaian perkhidmatan dan keperluan bagi kesejahteraan masyarakat khususnya di negara sedang membangun. Ini selaras dengan pandangan Leavitt (1958) yang menyatakan wujud perbezaan antara masyarakat pluralistik dan monistik. Secara umumnya sebuah masyarakat pluralistik mengiktiraf kepelbagaian peranan. Setiap komponen adalah sama penting sumbangannya terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

Rumah-rumah anak yatim adalah antara perkhidmatan sosial yang didominasi oleh sektor bukan untung (NPO). Ia berfungsi memberi perlindungan dan kehidupan yang lebih baik kepada anak-anak yatim dan fakir miskin yang kurang berkemampuan. Selain daripada itu, entiti ini turut menerima pelbagai sumbangan sukarela daripada masyarakat. Subtajuk berikutnya akan menghurai definisi operasi bagi Organisasi Bukan Untung (NPO) yang menjadi konsep umum kepada entiti rumah-rumah anak yatim.

## **Organisasi Bukan Untung (NPO)**

Organisasi Bukan Untung (NPO) atau kadang kala juga disebut sebagai *Not-for-Profit Organization (NFP)* merupakan cabang kepada konsep Organisasi Bukan Kerajaan (NGO). Perkataan NPO seringkali diguna secara silih berganti dengan NGO dalam kajian-kajian yang berkaitan (Lewis dan Kanji 2009). Oleh itu penjelasan konsep NPO dapat diselusuri daripada makna konsep induknya iaitu Organisasi Bukan Kerajaan (*NGO*).

Secara umum, tidak terdapat suatu definisi khusus dalam mentakrifkan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan Organisasi Bukan Untung (NPO). Sunkin *et al* (1993 dalam Lewis dan Kanji, 2009: 10) mentakrifkan NGO sebagai organisasi yang ditubuhkan secara persendirian dalam bentuk syarikat, badan profesional, badan perdagangan dan badan kebajikan & sukarela dengan matlamat untuk menjana dana/keuntungan atau pun tidak. Dalam konteks itu, hampir semua organisasi bukan kerajaan samada organisasi swasta atau organisasi bukan untung boleh dikaitkan sebagai NGO. Definisi Sunkin et. al (1993) terlalu luas dan umum serta sukar untuk dioperasikan dalam kajian-kajian mengenai NGO secara khusus.


Menurut Lewis dan Kanji (2009) perkataan NGO juga sering disebut sebagai organisasi bukan untung (*non-profit*), sukarela (*voluntary*) dan masyarakat sivil (*civil society*). Menurut mereka, penggunaan istilah berbeda untuk NGO dipengaruhi oleh konteks budaya, perundangan dan sejarah di mana konsep NGO telah berevolusi. Misalannya, di United Kingdom NGO sinonim juga disebut sebagai “*voluntary organization*” atau “*charity organization*”. Ia seiring dengan tradisi kerja-kerja sukarela yang diasaskan kepada nilai-nilai Kristian dan perkembangan undang-undang kebajikan (*charity law*) di negara berkenaan (Lewis dan Kanji, 2009). Sebaliknya, dalam konteks Amerika Syarikat istilah yang sering digunakan bagi NGO ialah “*non profit organization (NPO)*” disebabkan dominasi sistem pasaran ke atas sistem hidup di Amerika Syarikat. Oleh itu terdapat pelbagai akronim yang sama merujuk kepada NGO antaranya seperti *Advocacy Groups and Networks (AGNs)*, *Non-Profit atau Not-for-Profit Organizations (NPOs)*, *People's Organization (POs)*, *Big International NGOs (BINGOs)*, *Business-organized NGOs (BONGOs)*, *Non-Governmental Interest (NGIs)* dan *Donor-oriented/organized NGOS (DONGOs)* (Lewis dan Kanji 2009).

Satu pendekatan yang pernah diambil oleh pengkaji lalu bagi mendefinisikan NGO ialah dengan memberi takrifan mengikut kelas sektor. NGO telah dikelaskan sebagai

sektor ketiga selepas sektor awam (sektor pertama) dan sektor swasta (sektor kedua). Menurut Lewis dan Kanji (2009:10) sektor ketiga memiliki lima kakrektor utama iaitu ianya formal, persendirian (*private*), tidak bertujuan mengagihkan keuntungan (*non-profit distributing*); memiliki urustadbir sendiri (*self-governing*) dan inisiatif/usaha yang sukarela. Pentakrifan NGO yang lebih spesifik dapat dirujuk kepada karya Vakil (1997:2060) iaitu “*organisasi yang diurustadbir secara kendiri, persendirian dan bukan-untung serta diwujudkan bagi menambah baik kualiti hidup orang-orang yang kurang bernasib baik (disadvantaged people)*”. Ini selaras dengan pandangan Yoshida *et al* (2009) yang menjelaskan bahawa asas penubuhan sesebuah NGO adalah didorong oleh faktor agama, politik dan agenda sosial untuk menggerakkan perubahan atau memperjuangkan kepentingan sosial yang terabai. Sumber dana bagi menggerakkan aktiviti NGO pula dapat diperolehi daripada pelbagai sumber seperti badan kerajaan, organisasi swasta, yayasan atau sumbangan ahli masyarakat (Yoshida *et al.* 2009).


Berdasarkan perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa istilah NGO adalah suatu terminologi umum kepada pelbagai gerakan yang memperjuangkan matlamat sosial dan politik, iaitu bersifat bukan untung (komponen output). Walau bagaimanapun daripada sudut penjanaan sumber dana (komponen input), ia boleh diperolehi daripada aktiviti samada berteraskan untung atau bukan untung seperti diringkaskan dalam Rajah 1.

**Rajah 1: Hubungan Aliran Input-Output NGO**



Berdasarkan Rajah 1, NGO adalah organisasi yang mendokong matlamat bentuk sosial-politik. Manakala, penjanaan dana untuk menjalankan aktiviti/program NGO boleh diperolehi daripada aktiviti berteraskan untung (seperti perniagaan dan perdagangan) atau aktiviti bukan berteraskan untung (seperti derma, sumbangan, penajaan dan sebagainya). Sehubungan itu makalah ini telah membezakan secara khusus antara NGO yang sumber dana utamanya dijana melalui aktiviti perniagaan (iaitu berteraskan untung), dan NGO yang sumber dana utamanya daipada aktiviti bukan berteraskan untung. Bentuk pertama dirujuk oleh pengkaji sebagai NGO yang memiliki ciri *hybrid (social enterprise)* yang mencari untung munasabah bagi membiayai kelangsungan matlamat sosialnya. Bentuk ini selari dengan penjelasan konsep *social business* atau *social enterprise* yang popular ketika ini (Muhammad Yunus, 2009 dan Thompson, 2008 ). Organisasi *social enterprise* adalah berbeza daripada entiti perniagaan tulen kerana entiti perniagaan tulen meletakkan matlamat utamanya untuk meningkatkan keuntungan dan agihankekayaan kepada pemegang saham (pemilik) organisasi (Suraiya Ishak dan Ahmad Raflis, 2009; dan Friedman, 2002). Bentuk kedua pula dikelaskan sebagai NGO mutlak yang tidak berteraskan untung (samada pada objektif mahupun teknik perolehan dana) dan dirujuk sebagai *NPO* bagi kajian ini. Sehubungan itu pembahagian NGO pada Rajah 1 dapat diperincikan lagi mengikut kelas aktiviti penjanaan hasil yang utama seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.

**Rajah 2 Pembahagian NGO mengikut Penjanaan Sumber Utama**



Berdasarkan Rajah 2 dirumuskan bahawa NPO adalah salah satu bentuk NGO kerana definisi NGO konsisten dengan ciri “tidak bertujuan untung” dan “tiada agihan untung kepada penyumbang dana”. Walau bagaimanapun sifat bukan untung didapati lebih terserlah pada NPO kerana ia melibatkan sepenuhnya elemen “bukan untung” pada dimensi matlamat (*output*) dan mekanisme utama perolehan dana (*input*).

Akauntabiliti dalam pengurusan kewangan organisasi adalah penting untuk semua entiti termasuk NPO. Kepentingan isu urustadbir dan akauntabiliti NPO diperkuuhkan oleh Lewis dan Kanji (2009) yang menyenaraikan isu akauntabiliti pengurusan NGO sebagai antara kritikan penting yang perlu ditangani NGO masakini. Selain itu, masyarakat kini semakin memperlihatkan kesungguhan untuk memastikan ketelusan dalam tadbir urus kewangan entiti NPO yang ada dalam persekitaran masyarakat (Nag, 2010, Syed Ahmad Zulkarnain, 2010 dan Leong, 2010. Oleh yang demikian isu tadbir urus dan akauntabiliti pengurusan rumah anak yatim adalah perlu untuk dibincangkan.

Makalah ini bertujuan menghurai tadbir urus rumah-rumah anak yatim dalam konteks akauntabiliti kewangan yang dipikul pihak pengurusannya. Bagi mencapai tujuan kajian, skop perbincangan ditumpukan kepada aspek rekod dan pelaporan kewangan di kalangan beberapa buah rumah anak yatim di Selangor. Tumpuan diberi kepada aspek perakaunan kerana perakaunan merupakan alat pengurusan yang dapat mengekalkan ketelusan pengurusan dana organisasi. Selain itu, perakaunan adalah satu bentuk komunikasi antara pihak pengurusan organisasi dengan pihak berkepentingan khususnya bagi melaporkan hal ehwal sumber yang diamanahkan.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Kepelbagaiannya Peranan dalam Masyarakat Pluralistik**

Masyarakat pluralistik mengiktiraf pengasingan dan pengkhususan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang berbeza-beza (Leavitt, 1958), manakala masyarakat monistik menekankan pemusatan lokus kuasa, kewujudan satu pihak berkuasa dan pandangan mutlak bagi mengatur tindakan dalam masyarakat. Dalam konteks sebuah masyarakat pluralistik, pihak kerajaan, swasta dan NPO mempunyai fungsi masing-masing. Sektor swasta umpamanya berperanan untuk mencipta pembangunan dan kekayaan material. Apabila mekanisme pasaran tidak dapat menjaga kebijakan ahli masyarakat, maka sektor kerajaan akan berperanan menjaga kebijakan yang diabaikan itu. Berikut itu, penglibatan kerajaan relatifnya lebih ketara dalam bidang-bidang tertentu seperti penjagaan kebijakan, pendidikan, kesihatan, penyediaan prasarana awam dan perkhidmatan strategik. Namun begitu, masih terdapat kekurangan yang tidak dapat dipenuhi melalui peranan sektor kerajaan dan swasta serta memerlukan penglibatan sektor ketiga iaitu sektor bukan-untung (NPO). Hal ini dijelaskan

oleh Saunah et al (2010: 177) yang menyatakan sektor bukan-untung (NPO) merupakan salah satu daripada tiga (3) sektor penting dalam kerangka ekonomi yang besar sumbangannya. Oleh yang demikian, pembangunan dalam konteks masyarakat pluralistik memerlukan penyertaan aktif semua pihak dengan skop peranan masing-masing.

Pemberian kebajikan merupakan satu bentuk budaya yang memainkan peranan penting dalam menangani masalah dalam sebuah sistem kapitalism (Hur 2006:661 and Saunah et al 2009:176). Malahan menurut Wang dan Graddy (2008) tahap menyumbang di kalangan ahli sesebuah masyarakat adalah satu petunjuk kekuatan masyarakat sivilnya. Justeru, pengurusan organisasi NPO mempunyai kewajipan samada daripada segi etika dan kontraktual bagi memastikan pengurusan sumber dilakukan sehabis baik bagi kepentingan kelompok sasaran. Pemuliharaan akauntabiliti menjadi sesuatu yang sangat dituntut disebabkan berlakunya aliran masuk (pindahan) sumber bernilai daripada satu pihak (penderma/penyumbang) kepada pengurusan atas kepercayaan ia akan digunakan bagi kepentingan kumpulan sasaran. Selain itu, penurunan autoriti turut berlaku di mana pihak penderma/penyumbang menyerahkan aspek *custodian* harta yang disumbangkan kepada budi bicara dan pertimbangan terbaik pihak pengurusan.

## Akauntabiliti Pengurusan

Persaingan dalam mendapatkan dana di kalangan badan kebajikan pada masakini adalah semakin sengit (Hsu et al 2005). Pihak pengurusan perlu merangka strategi bagi memastikan kewujudan dana jangka panjang untuk organisasi masing-masing. Menurut Hsu et al (2005), reputasi badan kebajikan dan kelompok sasaran adalah faktor yang mempengaruhi kepercayaan penyumbang untuk menyokong sesebuah organiasasi kebajikan secara berterusan. Menurut Hall (2002:47) dan Wang dan Graddy (2008:29), usaha membina sumber boleh diperolehi dengan mewujudkan jaringan hubungan yang baik dengan kumpulan utama dan berpengaruh dalam masyarakat dan mengekalkan kepercayaan sosial. Sehubungan itu, melalui pelaksanaan akauntabiliti darjah kepercayaan penyumbang dapat ditingkatkan.

Namun begitu, kewajipan akauntabiliti pihak pengurusan tidak hanya didorong oleh faktor berkaitan strategi mendapatkan dana semata-mata. Sebaliknya, ia adalah kewajipan yang mempunyai asas moral dan kontraktual. Konsep tanggungjawab dan akauntabiliti ini telah dijelaskan oleh Uniacke (2005). Uniacke (2005) menjelaskan sesuatu pihak mempunyai akauntabiliti apabila wujud situasi yang memenuhi teori

perlakuan-penyebab (*action-ascription*) iaitu sesuatu yang terjadi adalah kesan daripada tindakan bebas yang dilakukan pihak terlibat. Teori Agensi ialah antara teori yang lazim digunakan dalam menghurai isu tadbir urus di kalangan entiti korporat. Menurut Jensen dan Meckling (1976), hubungan agensi melibatkan satu pihak melantik individu lain untuk bertindak bagi pihaknya. Faktor utama yang menyumbang kepada masalah agensi ialah keadaan maklumat yang tidak simetri di antara pihak pengurusan dan pemegang kepentingan (Jones dan Pollitt, 1996; dan Adams, 1994). Oleh yang demikian, Teori Agensi telah mengandaikan manusia sebagai agen-agen yang mesti dipantau melalui mekanisme kawalan dan melibatkan kos-kos yang tertentu (Ghoshal, 2005; Kidder, 2005; Kulik, 2005; Spraakman, 1997; Jones dan Pollitt, 1996; Adams, 1994; dan Jensen dan Meckling, 1976).

Gutner (2005<sup>a</sup>, 2005<sup>b</sup>) menyatakan Teori Agensi adalah teori yang berpotensi dimanfaatkan dalam kajian-kajian mengenai jurang di antara mandat (matlamat) dan prestasi organisasi-organisasi antarabangsa seperti Bank Dunia. Sehubungan itu pemakaian teori agensi yang diasaskan oleh Jensen dan Meckling (1976) tidak terhad kepada organisasi korporat. Model Agen-Prinsipal adalah tepat untuk diaplikasi dalam sebarang bentuk perhubungan yang melibatkan pendeklegasian amanah oleh satu pihak kepada satu pihak yang lain dan kewajipan untuk bertindak mengikut kepentingan pihak yang memberi amanah. Teori Agensi telah mengiktiraf kewujudan elemen “jurang” di antara matlamat institusi dan tindakan, sebagai satu kesan (*side effect*) yang hadir dari sebarang bentuk usaha pendeklegasian dan mewujudkan tanggungan kos kepada prinsipal. Menurut Gutner (2005<sup>b</sup>) Teori Agensi ialah asas yang boleh diguna dalam pengkajian-pengkajian yang melibatkan elemen kontrak ekonomi (*economic contracting*) dan tadbir urus. Sehubungan itu, kajian ini telah memilih Teori Agensi sebagai kerangka teori dalam perbincangan tadbir urus rumah anak yatim disebabkan faktor berikut:

- Walaupun pengurusan rumah anak yatim bukan dilantik oleh penyumbang (penderma) untuk bertindak bagi pihaknya, tetapi penyumbang telah membuat sumbangan kepada organisasi berasaskan maksud tersirat yang mereka fahami mengenai kegiatan dan tujuan entiti berkenaan ditubuhkan. Jadi secara tersirat (*implied*) mereka bersetuju menyerah dan mewakilkan pihak pengurusan mentadbir sumbangan bagi maksud yang berkenaan sahaja. Sehubungan itu berlaku pendeklegasian sumber dan autoriti penggunaannya kepada pihak pengurusan.
- Wujud peluang dan pilihan untuk pengurusan mengamal bentuk perlakuan yang bertentangan dengan hasrat mencapai matlamat organisasi. Meskipun

entiti rumah anak yatim adalah tidak bermatlamatkan untung, tetapi dana itu tetap mempunyai matlamat tertentu. Justeru ia melibatkan persoalan samada sumber telah digunakan bagi mencapai maksud yang ditentukan atau tidak. Subtajuk berikutnya membincangkan perakaunan sebagai alat merealisasi pemuliharaan akauntabiliti pengurusan kewangan organisasi.

## **Perakaunan: Proses Merealisasi Urus Tadbir Yang Baik**

Dalam konteks melaksanakan urus tadbir yang berkesan, pengurusan perlu mempunyai rekod dana laporan kewangan yang sistematik. Tanpa rekod yang sistematik adalah sukar untuk mengesan sebarang perkara kepincangan dalam pengendalian kewangan organisasi. Ini selari dengan objektif perakaunan seperti disenaraikan Enthoven (1978: 113) iaitu:

1. Membantu pembuatan keputusan ke atas penggunaan sumber organisasi yang terhad, dengan mengenal pasti keperluan mengikut keutamaannya;
2. Mengarah dan mengawal secara efektif sumber-sumber organisasi meliputi sumber manusia dan bahan mentah, khususnya melalui penyediaan bajet (rancangan kewangan);
3. Mengekal dan melaporkan aspek penjagaan (*custodianship*) sumber-sumber organsiasi; dan
4. Pemudahcara fungsi sosial dan kawalan. Dengan adanya mакlumat perakuan maka prestasi pengurusan dapat dinilai dan usaha penambahbaikan dapat dilakukan ke atas bidang yang belum memuaskan.

Di samping itu menurut Skousen (2005: 53), matlamat kemuncak bagi sebuah urus tadbir korporat yang berkesan ialah penghasilan laporan kewangan yang adil dan benar. Ini kerana laporan kewangan adalah satu bentuk komunikasi yang menghurai perihal pengendalian sumber yang diamanahkan beserta keputusan atau implikasinya terhadap organisasi. Meskipun Skousen (2005) berbicara dalam konteks urustadbir korporat namun aplikasinya masih sama bagi entiti NPO. Ini kerana dalam entiti NPO, penyumbang telah membuat sumbangan atas rasa percaya dan menyerahkan kawalan sepenuhnya kepada pihak pengurusan bagi mentadbir sumber tersebut. Di samping itu, penyumbang tidak berada dalam organsiasi bagi melihat aspek penggunaan dan kawalan atas sumber yang telah diamanahkan. Sehubungan itu,

penyumbang dianggap berada dalam situasi yang sama dengan pemilik (pemegang saham) entiti korporat dan berhak mengetahui hal pengendalian kewangan organisasi. Kajian Hsu et al (2005) turut merumuskan niat menderma orang ramai dapat ditingkatkan dengan cara menyebarkan lebih banyak maklumat yang relevan kepada bakal penderma. Walaupun kajian Hsu et al (2005) mendapati maklumat berkaitan pengurusan kewangan organisasi secara relatifnya kurang mempengaruhi keinginan menderma, tetapi Saunah et al (2010) berpendapat laporan kewangan adalah alat penting untuk menjelaskan aspek penyampaian (*delivery*) akauntabiliti pengurusan serta menilai kecekapan dan keberkesanan pengurusan entiti.

Keperluan undang-undang berkaitan kewajipan menyediakan laporan kewangan entiti NPO di Malaysia dapat dikenal pasti melalui peruntukan seksyen 14(d) Akta Pertubuhan (*Societies Act*) 1966 (Act 335) yang menghendaki persatuan (pertubuhan) menyerahkan penyata penerimaan dan pembayaran tahun kewangan lepas dan kunci kira-kira tahun berkenaan kepada pendaftar persatuan (ROS) dalam tempoh 60 hari selepas mesyuarat agung tahunannya. Walau bagaimanapun, menurut kajian Saunah et al (2010) hanya 18/37 atau 49 peratus entiti NPO yang terlibat dalam kajian mereka menyerahkan penyata penerimaan dan pembayaran dan kunci kira-kira seperti dikehendaki perundangan. Justeru kajian ini adalah satu usaha memahami aspek pelaporan kewangan entiti rumah anak yatim melalui pengumpulan data primer, berbanding kajian Saunah et al (2005) yang menfokus kepada sumber sekunder iaitu pemerhatian ke atas laporan kewangan organisasi. Subtajuk berikutnya menghurai tentang pengkaedahan kajian.

## **ANALISA**

Kajian ini melibatkan beberapa rumah anak yatim di Selangor. Pemilihan rumah anak yatim dibuat menerusi persampelan mudah disebabkan kesukaran mendapatkan kerjasama pihak pengurusan. Tujuh (7) buah rumah anak yatim telah bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan rumah anak yatim yang terlibat.

<b>Rumah anak yatim</b>	<b>Tahun penubuhan</b>	<b>Latar belakang pengasas</b>
A	2007	NGO tempatan
B	2006	Individu
C	1966	NGO tempatan
D	2008	Individu

E	2005	Individu
F	-	Individu
G	1990	NGO (berasaskan keagamaan)

Pengkaji telah membina dua (2) bahagian soal selidik. Bahagian pertama mengandungi soalan berkaitan sumber pendapatan dan bahagian kedua mengandungi 14 soalan berkaitan tatacara pengendalian rekod perakaunan. Temubual pendek telah dilaksanakan dengan beberapa rumah pengurusan anak yatim bagi mendapatkan penjelasan lanjut dalam isu tertentu. Kerja lapangan kajian telah dilakukan antara Julai 2010 hingga September 2010. Data telah dianalisis secara deskriptif. Huraian analisis adalah seperti sub tajuk berikut.

## Pendapatan dan Perbelanjaan

Jadual 2 menunjukkan ringkasan hasil temubual kajian.

Bil	Rumah anak yatim:	Sumber pendapatan	Anggaran perbelanjaan sebulan (RM)	Bangunan/lokasi
1.	A	Sumbangan penaung, orang ramai, NGO dan jualan beras	RM 8,536.24	Sumbangan NGO
2.	B	Zakat, orang ramai, tajaan, projek jualan nursery dan café.	RM 28,986.00	Sewa dan ada juga sebahagian anak yatim yang tinggal rumah saudara dengan dibiayai oleh rumah anak yatim
3.	C	Orang ramai, syarikat korporat, kerajaan	Tiada maklumat diberi	Tanah kurniaan kerajaan negeri
4.	D	Orang ramai	RM 11,078.00	2 buah rumah iaitu sebuah adalah diwakafkan pemilik dan sebuah disewa
5.	E	Orang ramai, syarikat korporat	RM 8,485.00	Menyewa rumah kedai
6.	F	Orang ramai, NGO, sahabat handai dan penduduk setempat	RM 10,335.00	Rumah dan tanah wakaf individu
7.	G	Kerajaan, orang ramai, projek khas kutipan derma (contoh: Malam amal), syarikat korporat.	Tiada maklumat diberi	Beli bangunan sendiri

Berdasarkan Jadual 2, kebanyakan rumah anak yatim terlibat menyatakan sumber utama pendapatan organisasi adalah daripada sumbangan/derma awam. Penyumbang atau penderma terdiri daripada individu atau entiti korporat. Bentuk sumbangan yang kerap diterima adalah dalam bentuk wang tunai, barangan seperti barang runcit dan pakaian serta tajaan seperti pakaian bagi musim perayaan dan persekolahan.

Selain daripada itu, terdapat beberapa rumah anak yatim yang premis operasinya telah disumbangkan oleh dermawan seperti rumah anak yatim A, C, D dan F. Penemuan ini menunjukkan rumah anak yatim mempunyai obligasi yang besar kepada masyarakat atau penyumbang luar. Justeru ia menjustifikasi perlunya aspek urustadbir organisasi diperkuuhkan bagi pengurusan kewangan rumah-rumah anak yatim.

Selain itu, kebanyakan rumah anak yatim melaporkan menghadapi defisit dalam pendapatan berbanding perbelanjaan. Secara purata kos operasi bagi sebuah rumah anak yatim berada di antara RM 8,536 ke RM 28,986 sebulan. Perbelanjaan meliputi item seperti utiliti, penyelenggaraan rumah (termasuk sewa), kebajikan anak yatim (termasuk belanja pakaian dan perubatan), pengangkutan, persekolahan, dan barang runcit/makanan. Disebabkan situasi defisit kewangan yang dialami, terdapat beberapa pengurusan rumah anak yatim yang telah menggunakan sumber kewangan peribadi mereka bagi membayai kurangan terutama perbelanjaan tetap seperti sewa dan makanan. Di samping itu, kadang kala berlaku penerimaan sumbangan bentuk barang secara berlebihan dan bagi mengelakkan barang tersebut rosak (atau luput tarikh penggunaan), item tersebut dijual oleh pihak pengurusan bagi mendapatkan wang tambahan bagi pengurusan rumah anak yatim. Pada masa yang sama terdapat sebuah rumah anak yatim yang melaporkan terlibat menjalankan aktiviti perniagaan bagi menjana pendapatan tambahan. Rumah anak yatim tersebut telah menjalankan perniagaan nurseri dan café bagi mendapatkan kewangan tambahan. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan menyatakan pendapatan perniagaan yang dijalankan masih tidak mencukupi untuk menampung belanja operasi organiasasi. Selain itu, ada dua buah rumah anak yatim melaporkan ada menerima bantuan daripada pihak kerajaan khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat.

## **Rekod Perakaunan dan Laporan Kewangan**

Jadual 3 meringkaskan maklumbalas responden bagi soalan yang telah dikemukakan dalam soalselidik kajian. Berdasarkan Jadual 3, kesemua rumah anak yatim terlibat menyatakan ada menyelenggara rekod perakaunan dan menyediakan penyata kewangan masing-masing. Walau bagaimanapun, penelitian lanjut ke atas rekod yang diselenggarakan mendapati rekod dibuat pada tahap minimum dan tidak mematuhi piawai atau tatacara perakaunan yang sistematik. Rekod adalah dalam bentuk senarai ringkas pendapatan dan perbelanjaan semata-mata. Ada ketikanya, terdapat perbelanjaan yang tidak direkodkan disebabkan ketidaaan dokumen. Di samping itu rumah anak yatim terlibat tidak menyediakan kunci kira-kira bagi menunjukkan kedudukan kewangan bagi tahun kewangan terlibat.

Kesemua rumah anak yatim melaporkan ada mengupah individu tertentu bagi mengurus rekod perakaunan organisasi. Empat buah rumah anak yatim menyatakan mereka mengupah individu terlatih dalam perakaunan, manakala dua buah lagi melaporkan mereka tidak mengupah individu terlatih dan sebuah kadang kala.

Daripada segi komunikasi laporan kewangan, hanya tiga buah rumah anak yatim menyatakan mereka menghantar laporan kewangan ke Pendaftar Pertubuhan. Dua rumah anak yatim melaporkan ada menghantar laporan kewangan kepada penderma manakala lima rumah anak yatim melaporkan tidak menghantar laporan kewangan kepada penyumbang.

Selain itu, tiga rumah anak yatim menyatakan akaun mereka diaudit oleh juruaduit luar. Empat rumah anak yatim melaporkan mempunyai jawatankuasa audit dalam. Keempat-empat rumah anak yatim itu menyatakan jawatankuasa audit dalamnya yang berperanan memantau rekod akaun dan operasi organisasi.

### **Jadual 3 Ringkasan Maklumbalas Pengurusan Rumah Anak Yatim**

Bil	Item	N =	Ya	Tidak	Tidak pasti/kadang-kadang
1	Menyediakan laporan kewangan setiap tahun	7	7	-	-
2	Menyelenggara dan menyimpan dokumen/rekod kewangan dengan sistematik	7	7	-	-
3	Terdapat unit/individu khas mengendalikan urusan rekod perakaunan entiti.	7	7	-	-
4	Mengambil (mengupah) individu terlatih dalam simpan kira bagi mengurus rekod pertubuhan.	7	4	2	1
5	Setiap tahun organisasi menghantar penyata kewangan kepada pendaftar pertubuhan.	7	3	4	-
6	Setiap tahun organisasi menghantar laporan kewangan kepada penyumbang-penyeimbang dana.	7	2	5	
7	Setiap tahun organisasi menghantar laporan kewangan kepada beberapa penyumbang utama.	7	2	5	
8	Rekod perakaunan disimpan dengan baik dan sedia untuk dirujuk pada bila-bila masa diperlukan.	7	7		
9	Rekod perakaunan diaudit oleh juruaudit luar.	7	3	4	
10	Organisasi mempunyai jawatankuasa audit dalam.	7	4	3	
11	Rekod perakaunan dan tatacara operasi organisasi dipantau oleh jawatankuasa audit dalam.	7	4	3	

12	Organisasi mewujudkan dana khusus dalam merekod kewangan organisasi mengikut tujuan khusus (cth: dana persekolahan, tabung operasi)	7	7		
13	Adakah menikmati sebarang pengecualian cukai.	7	4	2	1
14	Menerima bantuan kerajaan dalam jumlah yang tetap secara konsisten.	6	1	5	

## PERBINCANGAN

Kewangan adalah sumber penting dalam operasi sesebuah rumah anak yatim. Berdasarkan kajian ini, cabaran utama pengurusan rumah anak yatim ialah untuk mendapatkan dana dan mengekalkan sumber dana secara berterusan. Kesukaran tersebut jelas tergambar daripada situasi kewangan defisit yang dihadapi beberapa rumah anak yatim terlibat. Di samping itu, sikap altruistik pengasas didapati tertonjol apabila mereka sanggup mengeluarkan sumber kewangan peribadi bagi menampung kekurangan dana yang berlaku. Keadaan tersebut menunjukkan motif tindakan manusia tidak semestinya disebabkan motif kepentingan diri semata-mata. Meskipun pada permulaannya aktiviti rumah anak yatim tercetus daripada pilihan sukarela pihak tertentu, tetapi sebaik sahaja berlaku penurunan sumber daripada pihak luar (orang ramai) beserta autoriti dalam penggunaan sumber tersebut, kewajipan akauntabiliti yang lebih tegas ke atas pihak pengurusan (pengasasnya) mula timbul. Kewajipan akauntabiliti itu mengalir dalam bentuk kewajipan kontraktual yang timbul secara tidak langsung pada ketika berlakunya penyerahan sumber berharga daripada pihak penyumbang kepada pihak pengurusan. Situasi tersebut mewujudkan perhubungan agensi seperti dijelaskan dalam Teori Agensi di mana agen ialah pengurusan rumah anak yatim dan prinsipal merujuk kepada penyumbang dana dan anak-anak yatim piatu berkenaan. Pihak pengurusan (agen) telah menerima amanah sumber dan berkewajipan berusaha memenuhi tanggungjawab penjagaan (*custodianship*) dan pemegangan amanah (*stewardship*) ke atas sumber bernilai yang disumbangkan oleh penyumbang (prinsipal sekunder) bagi maksud kepentingan anak-anak yatim (prinsipal paling utama). Dalam skop perbincangan ini, urustadbir dapat dilaksanakan menerusi penyelenggaran rekod perakaunan dan pelaporan kewangan yang baik.

Penyelenggaraan akaun dan pelaporan kewangan yang baik merupakan satu bentuk kawalan yang mampu menghalang penyimpangan penggunaan dana organisasi. Dalam keadaan kebanyakan rumah anak yatim menghadapi situasi defisit yang kritikal, kawalan sangat perlu bagi mencapai tahap penggunaan dana yang efisyen

dan optimum. Pola perbelanjaan dapat dikenalpasti dan perancangan semula boleh dilakukan bagi menangani sebarang ketidakcekapan serta pembaziran sumber. Seperti contoh, ada sebuah rumah anak yatim yang membenarkan wang runcit diambil sendiri oleh mana-mana pekerja bagi maksud membeli barang keperluan rumah anak yatim atas dasar percaya mempercayai. Pekerja terlibat kemudiannya perlu menyerahkan resit dan memulangkan baki wang kepada *petty cash* tersebut. Menurut pihak pengurusan amalan tersebut dilakukan kerana hanya sejumlah kecil amaun belanja runcit diletakkan dalam *petty cash* tersebut. Selain itu, ada ketikanya keperluan wang timbul pada masa yang tidak dijangkakan sedangkan individu bertanggungjawab mungkin tiada di premis pejabat. Walau bagaimanapun, keadaan tersebut telah mendedahkan wang runcit organisasi kepada risiko penyelewengan dan pembaziran. Malahan sekiranya berlaku pembaziran (contohnya perbelanjaan yang tidak perlu) atau penyelewengan, ia sukar untuk dikesan dan tiada individu khusus untuk dipertanggungjawabkan. Keadaan ini berpotensi menjelaskan akauntabiliti pengurusan kewangan organisasi.

Seperti yang telah dijelaskan, kesanggupan menuju atau mengoperasikan rumah anak yatim adalah satu bentuk tindakan yang berbentuk filantrofi. Masyarakat hanya dapat menghargai tindakan filantrofi yang diambil oleh sebahagian ahli masyarakat dan bersedia menghulurkan sumbangan kolektif sekiranya aspek ketelusan dan integriti pihak pengurusan rumah anak yatim dapat ditunjukkan secara nyata (*visible*). Oleh yang demikian, penyelenggaraan rekod dan pelaporan kewangan adalah satu mekanisme yang dapat menonjolkan ketelusan pihak pengurusan dan memberi ruang penyumbang untuk menilai prestasi pengurusan rumah anak yatim. Walau bagaimanapun, hanya dua buah rumah anak yatim sahaja yang didapati menghantar laporan kewangan kepada penyumbang dana iaitu rumah anak yatim yang ditubuhkan oleh NGO tempatan (organsiasi C) dan berdasarkan agama (organsiasi G). Persamaan yang wujud pada kedua-dua rumah anak yatim tersebut ialah kedua-duanya memperolehi sumbangan (bantuan) yang lebih banyak dan kosisten daripada pelbagai ahli masyarakat meliputi individu perseorangan, kerajaan dan entiti korporat yang besar. Kedua-dua entiti juga didapati mengalami perkembangan positif dan dibuktikan melalui kualiti prasarana institusi dan jangkauan kelompok sasaran yang melebar.

Sehubungan itu, pengurusan rumah anak yatim harus mempunyai sistem perekodan dan pelaporan kewangan yang baik kerana ia sebahagian daripada komponen tadbir urus yang baik. Pengurusan rumah anak yatim bukan lagi usaha sukarela individu yang berteraskan prinsip moral semata-mata, tetapi telah melebar skop kebertanggungjawaban merangkumi:

- i. Kebertanggungjawaban terhadap penderma yang menyumbang dalam amaun yang semakin signifikan; dan
- ii. Kebertanggungjawaban terhadap anak-anak yatim yang merupakan sebab sumber tersebut diterima daripada penderma.

Ini juga sejajar dengan keperluan peruntukan Seksyen 29(a) dan (b) *Societies Act* 1966. Dalam peruntukan tersebut setiap pertubuhan berdaftar perlu membekalkan secara percuma kepada setiap ahli atau individu yang mempunyai minat terhadap hal ehawal dana organisasi sebuah laporan pulangan tahunan (jika ada) atau sebuah kunci kira-kira atau dokumen yang mengandungi butiran seperti pendapatan dan perbelanjaan organisasi. Justeru sebagai sebuah pertubuhan kebajikan dalam negara, rumah-rumah anak yatim turut tertakluk kepada keperluan tadbir urus yang telah ditentukan.

## **IMPLIKASI**

Implikasi pertama diperolehi daripada kajian ini ialah kewujudan rumah anak yatim yang diusahakan oleh sektor NPO mampu mengukuhkan institusi kebajikan negara. Sehubungan itu, bantuan kewangan perlu disalurkan secara berterusan samada daripada kerajaan mahupun swasta bagi menyokong operasi entiti filantrofi di kalangan ahli masyarakat. Selain itu, sektor swasta boleh menyumbang secara lebih signifikan dalam konteks merealisasikan tanggungjawab sosial korporat dengan bekerjasama atau menaja keperluan beberapa rumah anak yatim.

Di samping itu bagi menjana kewangan secara berterusan dan megurangkan pergantungan kepada pihak luar, keusahawanan perlu diterapkan di kalangan pengusaha rumah anak yatim. Kegiatan berteraskan perniagaan boleh dilakukan bagi menambah pendapatan seperti dilakukan oleh salah sebuah rumah anak yatim yang ditemui. Namun begitu aktiviti perniagaan perlu dilakukan dengan teliti dan memerlukan sistem tadbir urus yang berkesan supaya tidak menambah beban kewangan (contohnya mendatangkan kerugian) kepada organisasi. Sehubungan itu, institusi pendidikan tinggi boleh menyumbang dengan membina satu model keusahawanan yang dapat diaplikasikan oleh pengurusan rumah anak yatim. Malahan, dengan kepakaran yang dimiliki institusi pendidikan serta kerjasama badan kerajaan contohnya Jabatan Kebajikan Masyarakat, program keusahawanan triangulasi yang melibatkan bimbingan berterusan daripada pihak berkaitan dapat dijalankan bagi membantu organisasi kebajikan menjana pendapatan sendiri

yang lebih konsisten. Selain itu, pihak pengurusan juga perlu mengambil langkah menambahbaik sistem rekod perakaunan dan pelaporan kewangan supaya dapat melaksanakan akauntabiliti kepada pihak berkepentingan khususnya penderma.

## LIMITASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Pertama, pengumpulan data kajian telah bergantung kepada teknik persampelan mudah disebabkan kesukaran mendapatkan kerjasama daripada pengurusan rumah anak yatim. Ini menyebabkan bilangan entiti rumah anak yatim terlibat adalah agak kecil iaitu sebanyak tujuh (7) buah sahaja. Namun begitu kajian ini merupakan satu kajian rintis bagi memahami isu urustadbir entiti NPO (khususnya rumah anak yatim) menerusi data lapangan (primer) dan ia berbeza daripada pendekatan kajian Saunah et.al (2009) yang berasaskan data sekunder laporan kewangan NPO. Berdasarkan kajian ini, pengkaji akan datang dicadang meneruskan kajian berkaitan urustadbir rumah anak yatim secara kajian lapangan (primer) terutama dengan menambah pendekatan kualitatif seperti temubual mendalam. Bagi meningkatkan bilangan responden pengkaji akan datang disarankan merangka strategi tertentu agar dapat meningkatkan keupayaan generalisasi kajian. Berdasarkan pengalaman pengkaji, satu strategi yang berpotensi diadaptasi bagi meningkatkan kerjasama pengurusan organisasi rumah anak yatim ialah dengan membina hubungan baik (*rapport*) terlebih dahulu melalui pembabitan sebagai sukarela organisasi atau menyumbang dana secara konsisten kepada organisasi. Dengan cara ini kepercayaan terhadap pengkaji dapat ditingkatkan dan pada masa sama mengurangkan pandangan skeptik terhadap pengkaji. Walau bagaimanapun, strategi ini memerlukan masa yang panjang kerana hubungan baik dan kepercayaan tidak boleh dibina dalam masa yang singkat dan memerlukan komitmen berterusan daripada segi masa dan kewangan. Oleh yang demikian, pengkaji masa hadapan disaran mendapatkan geran penyelidikan tertentu bagi membiayai kajian ini dengan lebih lancar.

Limitasi kedua ialah pengkaji tidak berpeluang untuk melihat secara jelas keseluruhan rekod perakaunan organisasi. Limitasi ini sering dihadapi oleh mana-mana pengkaji yang mengkaji kedudukan kewangan sesebuah organrasasi dan ia tidak terkecuali bagi entiti jenis NPO. Berdasarkan pengalaman kajian, rasa tidak selesa beberapa pengurusan rumah anak yatim jelas kelihatan apabila mereka enggan terlibat dengan alasan maklumat perakaunan dan kewangan organisasi adalah sulit. Justeru kajian akan datang disaran menggunakan pendekatan membina *rapport* yang baik dengan pihak pengurusan sebelum melaksanakan kajian.

Limitasi ketiga adalah disebabkan penilaian yang berasaskan penilaian-kendiri responen mendedahkan kajian kepada risiko bias. Bias seperti *social desirability bias* atau *management impression* mungkin wujud dalam data kajian dan menyebabkan data condong membentuk pola tertentu. *Social desirability bias* merujuk kepada kemungkinan responden memberikan jawapan yang ideal dan selari dengan apa yang sepatutnya dan bukan apa yang sebenarnya dilakukan. Manakala *impression management* ialah bias di mana pengurusan cuba menonjolkan kebaikan dan kecekapan mereka. Sehubungan itu, kajian akan datang disaran membina instrumen yang lebih berkesan bagi menangani situasi bias tersebut.

Di samping itu beberapa potensi kajian telah dikenal pasti bagi penerokaan pengkaji akan datang. Antaranya, kajian akan datang juga disaran mengkaji praktis urustadbir di antara NPO dalam aktiviti yang berbeza contohnya NPO berkaitan kebajikan anak yatim, NPO berkaitan agama, pemuliharaan alam dan haiwan dan lain-lain kegiatan bagi melihat samada wujud perbezaan signifikan amalan urustadbir di kalangan NPO berbeza aktiviti. Kajian akan datang juga disaran menilai sebab-sebab yang mendorong orang ramai untuk menderma dan menghasilkan model bagi menghurai perlakuan menderma di kalangan masyarakat. Kajian faktor-faktor mempengaruhi keinginan menderma dijangka memberi sumbangan yang besar kerana dengan memahami kelakuan menderma, pihak pengurusan dapat merangka strategi perolehan dana (*fund-raising*) yang lebih tepat dan menjamin perolehan pendapatan yang konsisten untuk organisasi.

## KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan memahami aspek tadbir urus entiti rumah anak yatim. Kelemahan dalam aspek perakaunan dan pelaporan kewangan dapat menjelaskan pelaksanaan tadbir urus yang sempurna dalam pengurusan sebuah entiti rumah anak yatim. Pelaporan kewangan dapat menjamin kecekapan dalam penggunaan sumber, menghalang penyimpangan dalam penggunaan sumber serta menonjolkan akauntabiliti pengurusan kepada masyarakat. Secara tidak langsung ia mampu meningkatkan kepercayaan terhadap organisasi dan meningkatkan tahap sumbangan masyarakat dalam organisasi berkenaan. Malahan motif etika pihak pengurusan yang dicerminkan melalui tindakan altruistik akan lebih lengkap sekiranya diikuti dengan amalan mekanisme tadbir urus yang sistematik.

## RUJUKAN

- Adams, M.B. 1994. Agency theory and the internal audit. *Managerial Auditing Journal*. Vol. 9(8): 8-12.
- Amal Hayati Ishak dan Suraiya Ishak 2009. Konsep ganjaran dan motivasi menurut perspektif Islam. *Jurnal Fikrah*. Jilid 4: 187-203.
- Enthoven, A.J.H. 1978. *Accountancy and Economic Development*. Amsterdam: North-Holland Publishing Company.
- Friedman, M. 2002. The social responsibility of business is to increase its profits. Dlm. Donaldson, T., Werhane, P.H. dan Cording, M (pnyt). *Ethical Issues in Business: A Philosophical Approach*. Edisi ke-7. Hlm. 33-38. Upper Saddle River New Jersey: Prentice Hall.
- Ghoshal, S. 2005. Bad management theories are destroying good management practices. *Academy of Management Learning and Education*. Vol. 4(1): 75-91.
- Gutner, T. 2005<sup>a</sup>. World Bank environmental reform: revisiting lessons from agency theory. *International Organization*. Vol. 59: 773-783.
- Gutner, T. 2005<sup>b</sup>. Explaining the gaps between mandata and performance:agency theory and world bank environmental reform. *Global Environmental Politics*. Vol. 5(2): 10-37.
- Hall, M.R. (2002). Building on relationship: a fundraising approach for community colleges. *Community College Journal of Research and Practice*. Vol. 26: 47-60.
- Hsu, J.L., Liang, G.Y. and Tien, C.P. (2005). Social concerns and willingness to support charities. *Social Behavior and Personality*. Vol. 33(2):189-200.
- Hur, M.H. (2006). Exploring the motivation factors of charitable giving and their values structure: a case study of Seoul Korea. *Social Behavior and Personality*. Vol. 34(6): 661-680.
- Jensen, M.C. dan Meckling, W.H. 1976. Theory of the firm: managerial behavior, agency costs and ownership structure. *Journal of Financial Economics*. Vol. 3: 305-360.

Jones, I.W. dan Pollitt, M.G. 1996. Economics, ethics and integrity in business. *Journal of General Management*. Vol. 21(3): 30-44.

Kidder, D.L. 2005. Is it ‘who I am’, ‘what I can get away with’, or ‘you’ve done to me?’ a multi-theory examination of employee misconduct. *Journal of Business ethics*. Vol. 57: 389-398.

Kulik, B.W. 2005. Agency theory, reasoning and culture at Enron: In search of a solution. *Journal of Business Ethics*. Vol. 59: 347-360.

Leavitt, T. 1958. The dangers of social responsibility. *Harvard Business Review*. Vol. 36(5): 41-50

Leong Perng Pin. 2010. Charity groups must be transparent. Surat. *The Star*, 14/9/2010. (akses atas talian: <http://thestar.com.my/news/storyaFsp?file=/2010/9/14/focus/7031556&sec=focus> pada 20/9/2010)

Lewis, D. Dan Kanji, N. 2009. *Non-Governmental Organizations and Development*. London: Routledge Taylor & Francis Group.

Malaysia. *Societies Act 1966 (Act 335)*.

Muhammad Yunus. 2010. *Building Social Business*. New York: Public Affairs.

Nag. 2010. Be prudent in balancing the books. Surat. *The Star*, 16/9/2010: N48.

Sabri Hj Hussin. 2001. *Etika dan Falsafah Pemikiran Barat dalam Konteks Perniagaan di Malaysia*. Petaling Jaya: ALJ Publications.

Saunah Zainon, Ruhaya Atan, Yap Bee Wah and Roland Yeow Theng Nam. (2010). Financial statement analysis of tax-exempt charitable organizations in Malaysia. *Malaysia-Indonesia International Conference on Economics, Management and Accounting* 2010, 25-26 November. Bangi: Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM. pp 176-192.

Skousen, K.F., Glover, S.M. dan Prawitt, D.F. (2005). *An Introduction to Corporate Governance And The SEC*. Ohio: Thomson/South Western.

Spraakman, G. 1997. Transaction cost economics: a theory for internal audit?. *Managerial Auditing Journal*. Vol. 12(7): 323-330.

Suraiya Ishak dan Ahmad Raflis Che Omar. 2009. Penggerak tanggungjawab sosial korporat: teori Pemaksimuman Untung atau Teori Pemegang Kepentingan. *Manusia dan Masyarakat*. Vol. 18:64-74.

Sunkin,M., Bridges, L. dan Meszaros, G. 1993. *Judicial Review in Perspective*. London: The Public Law Project.

Syed Ahmad Zulkarnain Syed Ali. 2010. Paksa anak yatim cari dana. *Kosmo*, 27/1/2011 (<http://www.kosmo.com.my/kosmo/arkib.asp?y=2011&dt=0127&pub=Kosmo&sec=Negara...>, akses pada 8/2/2011).

Thompson, J.L. 2008. Social enterprise and social entrepreneurship: where have we reached? *Social Enterprise Journal*. Vol. 4(2): 149-161.

Uniacke, S.M. 2005. Responsibility and obligation: some Kantian directions. *International Journal of Philosophical Studies*. Vol. 13(4): 461-475.

Vakil, A. 1997. Confronting the classification problem: toward ataxonomy of NGOs. *World Development*. Vol. 25(12): 2057-71.

Wang, L. and Graddy, E. (2008). Social capital, volunteering and charitable giving. *Voluntas*. Vol. 19: 43-42.

Yoshida, K.K., Parnes, P., Brooks, D. dan Cameron, D. 2009. A case study of the changing nature of a non-government organisation: a focus on disability and development. *Disability and Rehabilitation*. Vol. 31(8): 675-683.



# **KANAK-KANAK JALANAN DI SABAH**

Mohd. Sharani Ahmad

Risalshah Latif

Wan Anor Wan Sulaiman

Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial,  
Universiti Malaysia Sabah

## **Abstrak**

Kajian lepas menunjukkan bahawa setiap negara menghadapi masalah yang sama tentang kanak-kanak jalanan. Kanak-kanak jalanan adalah mereka yang berkeliaran di bandar atau pekan tanpa tujuan. Mereka juga terlibat dengan berbagai masalah sosial, keganasan, jenayah atau terlibat dengan penyalahgunaan bahan. Satu daripada punca masalah yang melibatkan mereka dengan penyalahgunaan bahan tersebut ialah kemiskinan. Punca yang lain ialah eksplorasi. Bilangan mereka kian meningkat dalam sesetengah negara. Oleh yang demikian, kajian ini meneroka penyalahgunaan bahan dalam kalangan kanak-kanak jalanan di Sabah. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada, a) penglibatan ibu bapa dan rakan sebaya dalam hubungan mereka dengan kanak-kanak jalanan, (b) pendapatan ibu bapa dalam penglibatan dengan penyalahgunaan bahan dalam kalangan kanak-kanak jalanan. Seramai 205 subjek terlibat dalam kajian ini. Kajian mendapati keterlibatan ibu bapa dalam penyalahgunaan bahan juga turut menyumbang kepada masalah yang sama ke atas kanak-kanak jalanan. Kajian juga menunjukkan pendapatan ibu bapa juga mempengaruhi tren penglibatan anak-anak jalanan dengan penyalahgunaan bahan.

## **Pendahuluan**

Le Roux dan Smith (1998) menyatakan bahawa tiada negara dan mana-mana bandar di dunia sekarang ini yang tidak ada kanak-kanak jalanan. Di negara Asia secara tradisinya mempunyai jumlah kanak-kanak jalanan yang tinggi. Bangladesh mencatatkan kanak-kanak jalanan seramai 445,000 orang atau lebih; 75% daripada mereka ialah di Dhaka. Manakala di India seramai 11 juta orang; Mumbai, Delhi dan Calcutta setiap kawasan ini mempunyai kanak-kanak jalanan seramai 100,000 ke atas. China pula mencatatkan seramai 300,000 dan separuh daripada jumlah ini tidur di jalanan. Burma pula mencatatkan jumlah kanak-kanak jalanan 10,000 orang hingga 30,000 orang. Di Vietnam pada tahun 1995 mencatatkan seramai 50,000 orang kanak-kanak jalanan (New Internationalist 377, April 2005).

Di Malaysia sendiri jumlah kanak-kanak jalanan tidak dapat ditentukan jumlah yang sebenarnya. Di Sabah sendiri, “*Sometimes things get blown out of proportion. Early reports said there were 15,000 roaming in Kota Kinabalu and 15,000 in Sandakan but when we go out on operations we catch maybe five or six, at the most 30.*” (Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Yahya Hussin, Daily Express, 24 April 2005). Ini berlaku disebabkan kanak-kanak jalanan ini akan bersembunyi apabila pihak berkuasa menjalankan operasi untuk menangkap mereka.

Menurut Bar-On (1998) kanak-kanak jalanan adalah mereka yang tinggal dalam keadaan kemiskinan atau kanak-kanak dalam keadaan yang tidak berupaya atau tidak berdaya Lebih tepat kanak-kanak jalanan ini didifinisikan sebagai tidak berumah, kutu rayau peniaga jalanan (Barrette (1995). Kebiasaannya mereka tidak dijaga atau tidak diambil perhatian oleh ibu bapa atau orang dewasa. Mereka biasanya tinggal dibahagian belakang bangunan, di bangunan-bangunan kosong yang terbiar, kontena, automobil dan kawasan-kawasan tempat letak kereta.

## **Permasalahan Kajian**

Persoalan sama ada kanak-kanak jalanan terlibat dengan penyalahgunaan bahan masih belum dapat dijawab dengan sebaiknya. Banyak kajian mengenai penglibatan kanak-kanak yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan telah dilakukan di Barat. Veale dan Dona (2003) mendapati bahawa ramai kanak-kanak mula mengambil bahan terlarang sebelum memasuki sekolah menengah. Walaupun jumlah bilangan yang tertangkap bersabit dengan penyalahgunaan bahan sedikit, kita tidak boleh mengambil ringan akan isu ini. Ini kerana dikhuatiri rakan-rakan yang tidak terlibat akan diheret juga ke dalam penyalahgunaan bahan yang sangat berbahaya ini dan akibatnya adalah buruk. Adalah tidak wajar membiarkan hal ini berterusan. Masalah ini akan memberi kesan kepada proses perkembangan ekonomi dan juga politik negara di samping menyumbang kepada peningkatan masalah sosial yang negatif dalam negara.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Melihat keterlibatan kanak-kanak dalam penyalahgunaan bahan terlarang.
2. Melihat sumber kewangan untuk mendapatkan bahan terlarang.
3. Melihat sama ada terdapat hubungan penyalahgunaan bahan dengan rakan sebaya.
4. Melihat sama ada terdapat hubungan penyalahgunaan bahan dalam kalangan subjek dengan ibu bapa.

## **Subjek Kajian**

Subjek kajian adalah terdiri daripada kanak-kanak jalanan berumur antara 10 tahun hingga 18 tahun di Kota Kinabalu, Beaufort, Ranau, Kudat, Keningau, Tambunan, Lahad Datu, Sandakan dan Tawau, Sabah. Bilangan keseluruhan populasi kanak-kanak jalanan yang disasarkan menjadi subjek kajian ialah seramai 300 orang. Persampelan bola salji (*snow ball sampling*) digunakan dalam kajian ini. Dalam

persampelan ini responden kajian di minta mencadangkan subjek kajian yang mempunyai ciri-ciri yang sama dan sesuai untuk kajian.

### **Rekabentuk kajian**

Kajian ini menggunakan rekabentuk tinjauan soal selidik dan temubual subjek. Satu set soal selidik digunakan merangkumi maklumat biografi subjek iaitu latar belakang diri responden, butiran diri penyalahgunaan bahan, persekitaran dalam keluarga responden, komunikasi dengan ibu bapa dan persekitaran luar keluarga.

### **Alat Kajian**

Soal selidik dibina oleh pengkaji bertujuan untuk mengumpul maklumat tentang angkubah yang berkaitan dengan latar belakang responden, penglibatan dengan bahan terlarang dan sumber kewangan untuk mendapatkan bahan terlarang. Reliabiliti alat kajian ini diukur dengan menggunakan kaedah ketekalan dalaman iaitu berdasarkan pekali *Cronbach Alpha*. Menurut Goodwin (2010), pekali kebolehpercayaan yang baik adalah antara 80 hingga 90. Nilai keseluruhan reliabiliti yang diperolehi dalam alat kajian ini adalah tinggi iaitu pada aras *Cronbach Alpha* .80. Maka alat kajian ini boleh dipercayai dan boleh digunakan.

### **Keputusan Kajian**

Hasil analisis menunjukkan kebanyakkan responden mempunyai tahap pendidikan dan pernah bersekolah. Seramai 87 responden (42.4%) tidak mempunyai pendidikan. 118 orang subjek adalah terdiri daripada kalangan subjek yang mempunyai pendidikan iaitu 39 orang (19%) adalah berada pada tahap pendidikan sekolah rendah dan 38.5% adalah subjek yang mempunyai pendidikan di tahap sekolah menengah. Suku etnik Suluk menunjukkan jumlah tertinggi iaitu 82 responden (40.0%), Dusun 65 orang (31.7%), Bajau 30 orang (14.6%), Kadazan 18 orang (8.8%), Bugis adalah 10 orang (4.9%). Sebanyak 78 responden (38.1%) kanak-kanak yang berasal daripada Keningau, seramai 64 responden (31.2%) merupakan kanak-kanak yang berasal dari Kota Kinabalu manakala selebihnya berasal daripada Tawau dan Sandakan iaitu 63 responden (30.7%).

### **Merokok**

Hasil analisis menunjukkan seramai 136 (66.3 %) subjek merokok dan 68 (33.2%) subjek tidak merokok manakala 1 responden (0.5%) tidak memberi respon. Hasil

analisis menunjukkan seramai 90 responden (43.9%) mempunyai kekerapan menghisap rokok 1 hingga 10 kali dalam seminggu. Seramai 27 responden (13.2%) menghisap rokok 11 hingga 20 kali seminggu. Hanya 11 responden (5.4%) menghisap rokok 31 hingga 40 kali seminggu manakala 69 responden (33.7%) tidak menghisap rokok seminggu. Seramai 73 responden (35.6%) menghisap rokok dalam tempoh 1 hingga 3 tahun. Seramai 28 responden (13.7%) menghisap rokok dalam tempoh 1 tahun ke bawah. Responden yang menghisap rokok selama 3 hingga 5 tahun adalah seramai 21 orang (10.2%). Seramai 9 responden (4.4%) menghisap rokok 5 hingga 8 tahun dan seramai 5 responden (2.4%) menghisap rokok dalam tempoh 8 hingga 10 tahun. Manakala seramai 69 responden (33.7%) tidak merokok.

### ***Alkohol***

Seramai 84 (41%) subjek mengambil alkohol, 119 (58%) subjek tidak mengambil alkohol dan 2 responden (2%) tidak memberikan respon. Seramai 83 responden (40.5%) kerap meminum alkohol 1 hingga 10 kali seminggu. Seorang responden (0.5%) meminum alkohol 11 hingga 20 kali seminggu. Seorang responden (0.5%) jarang mengambil alkohol dalam seminggu. Manakala seramai 120 responden (58.5%) tidak minum alkohol. Kekerapan pengambilan alkohol pula ialah selama dalam tempoh 1 hingga 3 tahun ia lah seramai 50 orang (24.4%), 21 responden (10.2%) kerap mengambil alkohol dalam tempoh 3 hingga 5 tahun, seramai 9 responden (4.4%) mengambil alkohol dalam tempoh 1 tahun ke bawah dan seramai 120 responden (58.5%) tidak minum alkohol.

### ***Menghidu Gam***

Dalam penyalahgunaan bahan jenis gam pula, seramai 16 (7.8%) subjek menghidu gam, 186 (90.7%) subjek tidak menghidu gam dan 3 (1.5%) tidak memberikan respon sama ada menghidu gam atau tidak. Hasil analisis menunjukkan 15 responden (7.3%) kerap menghidu gam 1 hingga 10 kali seminggu. Seorang responden (0.5%) menghidu gam 11 hingga 20 kali seminggu. Manakala 189 responden (92.2%) tidak menghidu gam. Seramai 9 responden (4.4%) menghidu gam dalam tempoh 1 hingga 3 tahun, 7 responden (3.4%) menghidu gam dalam tempoh 1 tahun ke bawah dan seorang (0.5%) responden menghidu gam dalam tempoh 8 hingga 10 tahun. Manakala 188 responden (91.7%) tidak menghidu gam.

### **Dadah**

Jumlah subjek yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah hanya 5 responden (2.4%) subjek yang mengambil dadah, 197 responden (96.1%) subjek tidak mengambil dadah dan 3 responden (1.5%) tidak memberikan respon. Seramai 6 responden mengambil dadah 1 hingga 10 kali dalam seminggu. Seorang responden mengambil dadah 11 hingga 20 kali seminggu manakala 198 orang (96.6 %) tidak mengambil dadah. Hasil analisis menunjukkan 5 responden (2.4%) mengambil dadah 1 hingga 3 tahun, 3 responden (1.5%) 1 tahun ke bawah dan seorang responden (0.5%) mengambil dadah dalam tempoh 3 hingga 5 tahun. Manakala, seramai 196 responden (95.6%) tidak mengambil dadah.

### **Sumber kewangan**

Dalam Jadual 1, seramai 71 orang (34.6%) subjek memperolehi sumber kewangan sendiri iaitu dengan bekerja sendiri, seramai 40 responden (19.5%) memperoleh wang daripada ibubapa, seramai 11 responden (5.4%) memperolehi wang untuk membeli rokok dengan meminta sedekah. Manakala 74 responden (34.1%) tidak memberi respon. Seramai 4 responden (2.0%) memperolehi rokok wang daripada kawan-kawan dan seramai 5 responden (2.4%) tidak membeli rokok.

**Jadual 1: Taburan kekerapan dan peratusan sumber kewangan membeli rokok**

Rokok	N	Peratus (%)
Duit sendiri	71	34.6
Ibubapa	40	19.5
Kawan	4	2.0
Meminta sedekah	11	5.4
Tidak beli	5	2.4
Tiada respon	74	34.1
Jumlah	205	100

Jadual 2 menunjukkan seramai 36 responden (17.6%) tidak membeli alkohol dan responden kerap memperoleh alkohol di majlis keramaian. Seramai 34 responden (16.6%) membeli rokok dengan menggunakan duit sendiri hasil dari bekerja. Seramai 7 responden (3.4%) memperolehi sumber kewangan daripada ibubapa subjek dan seramai 3 responden (1.5%) mendapat sumber kewangan daripada kawan-kawan. Manakala, seramai 125 responden (61%) tidak memberi respon.

**Jadual 2: Taburan kekerapan dan peratusan sumber kewangan membeli alkohol**

Alkohol	N	Peratus (%)
Duit sendiri	34	16.6
Ibubapa	7	3.4
Kawan	3	1.5
Meminta sedekah	0	3.4
Tidak beli (majlis keramaian)	36	17.6
Tiada respon	125	61
Jumlah	205	100

Jadual 3 menunjukkan seramai 15 responden (7.3%) memperolehi sumber kewangan untuk membeli gam dengan duit sendiri atau bekerja sendiri. Diikuti dengan 4 responden (2%) dengan meminta sedekah. Manakala tiap seorang responden memperolehi sumber kewangan daripada ibubapa dan kawan masing-masing. Seramai 184 responden (89.8%) tidak memberi respon.

**Jadual 3: Taburan kekerapan dan peratusan sumber kewangan membeli gam**

Gam	N	Peratus (%)
Duit sendiri	15	7.3
Ibubapa	1	0.5
Kawan	1	0.5
Meminta sedekah	4	2.0
Tidak beli	0	0
Tiada respon	184	89.8
Jumlah	205	100

Dalam Jadual 4, daripada 205 orang subjek dalam kajian, seramai 9 responden (4.4%) memperolehi sumber kewangan untuk membeli dadah dengan duit sendiri kerana bekerja. Setiap seorang responden memperolehi sumber kewangan untuk membeli dadah dengan meminta daripada ibubapa dan daripada kawan. Manakala, seramai 194 responden (94.6%) tidak memberi respon.

**Jadual 4: Taburan kekerapan dan peratusan sumber kewangan bagi dadah**

Dadah	N	Peratus (%)
Duit sendiri	9	4.4
Ibubapa	1	0.5

Kawan	1	0.5
Meminta sedekah	0	0
Tidak beli	0	0
Tiada respon	194	94.6
Jumlah	205	100

**Hubungan penyalahgunaan bahan di kalangan kanak-kanak jalanan di Sabah mengikut tahap pendapatan, ibu bapa dan rakan.**

Jadual 5 menunjukkan, nilai korelasi  $r = -.140$ ,  $k < .05$  menunjukkan terdapat hubungan signifikan secara negatif penyalahgunaan bahan dengan pendapatan bapa subjek. Ini bermakna semakin rendah pendapatan bapa subjek, semakin tinggi penggunaan bahan dalam kalangan subjek.

**Jadual 5: Terdapat hubungan signifikan penyalahgunaan bahan dengan pendapatan bapa subjek**

Pembolehubah	1	2
Bahan	-	-.140**
Pendapatan	-	-

\* $k < .05$

Hasil analisis hubungan penyalahgunaan bahan dengan rakan sebaya subjek menunjukkan nilai  $r = .342$ ,  $k < .05$  (Jadual 6). Ini menunjukkan terdapat hubungan positif yang lemah tetapi signifikan antara penyalahgunaan bahan dengan rakan sebaya. Ini bermakna subjek yang mempunyai hubungan dengan rakan-rakan yang menyalahgunakan bahan biasanya terlibat dengan penyalahgunaan bahan.

**Jadual 6: Hubungan penyalahgunaan bahan dengan rakan sebaya subjek**

Pembolehubah	1	2
Bahan	-	.342**
Rakan	-	-

\*\* $k < .05$

Hasil analisis hubungan penyalahgunaan bahan dengan ibubapa subjek menunjukkan nilai  $r = .340$ ,  $k < .05$  (Jadual 7). Ini menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan penyalahgunaan bahan dengan ibubapa. Ini bermakna subjek yang mempunyai ibubapa yang menyalahgunakan bahan, mempunyai hubungan dengan penyalahgunaan bahan yang tinggi di kalangan subjek.

### **Jadual 7: Hubungan penyalahgunaan bahan dengan ibubapa subjek**

<b>Pembolehubah</b>	<b>1</b>	<b>2</b>
Bahan	-	.340**
Ibu bapa	-	-

\*\* $p < .05$

### **Perbincangan**

Dalam kajian ini, seramai 205 kanak-kanak jalanan pelbagai etnik berumur 6 hingga 18 tahun sama ada bersekolah tidak bersekolah. Hasil kajian mendapati terdapat dua golongan kanak-kanak jalanan di Sabah iaitu kanak-kanak jalanan yang tinggal di jalanan dan kanak-kanak jalanan tetapi pulang ke rumah pada lewat malam. Seramai 55.1 peratus kanak-kanak jalanan mempunyai ibubapa yang tidak bekerja, berasal daripada latarbelakang yang miskin dan kurang berkemampuan serta mempunyai jumlah adik-beradik yang ramai iaitu 4 hingga 9 orang. Majoriti kanak-kanak jalanan masih mempunyai kedua ibubapa. Walau bagaimanapun, ibubapa kanak-kanak jalanan mempunyai pendidikan rendah dan menganggur.

Hasil dapatan kajian mendapati kanak-kanak jalanan di Sabah lebih cenderung terlibat dalam penyalahgunaan alkohol dan rokok berbanding dadah dan gam. Hanya 2.4 peratus kanak-kanak yang mengambil dadah dan 7.8 peratus menghidu gam. Kebanyakkan kanak-kanak jalanan membeli rokok, alkohol, dadah dan gam dengan menggunakan wang sendiri diperolehi melalui upah bekerja sebagai penjual rokok, jual sayur, jual ikan, konduktor bas, dan meminta sedekah. Ada antara kanak-kanak jalanan yang menggunakan wang saku pemberian ibubapa untuk membeli rokok dan alkohol. Sesetengah kanak-kanak jalanan mendapat alkohol di majlis keramaian dan rakan-rakan mereka sendiri. Ini merupakan salah satu faktor utama kanak-kanak terlibat dalam penyalahgunaan dadah kerana mereka mudah memperolehi bahan tersebut terutamanya bagi rokok dan alkohol.

Keputusan kajian mendapati hubungan penyalahgunaan bahan dengan pendapatan ibubapa subjek adalah signifikan secara negatif. Ini bermakna pendapatan ibubapa kanak-kanak jalanan mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan kanak-kanak jalanan. Menurut Fernandes dan Vaughn (2008), kanak-kanak yang berasal daripada keluarga yang sangat miskin dan kurang berkemampuan dan tinggal dengan keluarga mereka selalunya menghabiskan sebahagian masa atau sebahagian hari mereka dengan mengembara di jalan-jalan bandar besar tanpa ditemani orang dewasa. Situasi ini mewujudkan terdapatnya perbezaan kumpulan individu dari

segi perbezaan purata umur dan kepelbagaian situasi keluarga dan kumpulan sosial di jalanan. Sesetengah kanak-kanak jalanan di dapati melakukan aktiviti menjual atau mencari makan di bandar dan hanya pulang ke rumah pada waktu malam. Keadaan ini membolehkan kanak-kanak cenderung untuk bertingkah laku antisosial dan memberikan kesan negatif kepada kesihatan kanak-kanak (Abhay dan rakan-rakan, 2008).

Dalam kajian ini didapati hubungan penyalahgunaan dadah dengan ibubapa kanak-kanak berkorelasi secara signifikan. Penggunaan dadah yang tinggi di kalangan ibubapa kanak-kanak mempengaruhi keterlibatan kanak-kanak jalanan menggunakan dadah seperti dadah, alkohol, rokok dan gam. Ini bermakna kanak-kanak yang berasal daripada keluarga yang kerap mengambil dadah, alkohol, rokok dan gam adalah cenderung terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Menurut De Venanzi (2003) jika penagihan alkohol merupakan perkara biasa kepada ibubapa, maka pengambilan alkohol bagi dalam kalangan anak-anak adalah suatu perkara yang biasa. Motala dan Smith (2003) menyatakan anak-anak yang berasal daripada rumah tangga yang penghuninya tidak merokok, berkemungkinan besar tidak merokok.

## **Implikasi**

Implikasi dari dapatan kajian ini memperlihatkan kemiskinan, kurang pendidikan dan pengangguran di kalangan masyarakat Sabah adalah tinggi. Institusi kekeluargaan masih kurang dititikberatkan terutama sekali dalam hubungan ibubapa dan anak-anak mereka. Kurang perhatian dan kawalan ibubapa terhadap anak-anak mereka menyebabkan anak-anak mereka bergerak bebas dan menghabiskan sebahagian masa mereka di jalanan bersama-sama rakan mereka dan akhirnya terlibat dalam aktiviti-aktiviti kurang berfaedah dengan mengambil dadah, alkohol, rokok dan gam. Selain itu juga, ada diantara kanak-kanak jalanan yang bekerja dan meminta sedekah untuk mencari sumber kewangan untuk membeli makanan.

Dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pihak berwajib sebagai rujukan mereka dalam membantu membendung masalah kanak-kanak jalanan yang semakin meningkat di Sabah. Diharapkan dengan adanya kajian seperti ini membolehkan masyarakat lebih memahami akan kepentingan institusi kekeluargaan terutama sekali dalam hubungan ibubapa dengan anak-anak mereka. Ini kerana keluarga adalah model penting dalam membentuk keperibadian anak-anak mereka. Tanggungjawab ibubapa amat penting dalam menyediakan suasana persekitaran yang baik untuk anak-anak.

Kesimpulannya, fenomena kanak-kanak jalanan ini wujud disebabkan oleh faktor politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan juga kesihatan. Faktor politik dapat dilihat bagaimana keadaan sesebuah negara yang tidak aman dan sentiasa bergolak akibat perang dan proses urbanisasi telah memberi implikasi kepada kewujudan kanak-kanak jalanan. Dari segi ekonomi pula, iaitu ketidaksamaan ekonomi dalam negara di mana golongan miskin ini telah memaksa anak-anak supaya membantu pendapatan keluarga dengan mengarah anak-anak ini keluar ke jalan (Aptekar, & Stocklin, 1997; De Moura, 2002). Manakala dari segi sosial dapat dilihat iaitu keadaan institusi kekeluargaan sendiri yang banyak mewujudkan kepada fenomena kanak-kanak jalanan ini. Institusi kekeluargaan musnah dan tidak stabil menyebabkan anak-anak mencari kehidupan yang lebih aman di luar. Faktor pendidikan pula tertumpu bagaimana pihak sekolah sendiri yang kurang menerima pelajar terutamanya golongan yang bukan berasal dari tempatan. Mereka berpendapat bahawa golongan ini tidak sepatutnya mendapat hak yang banyak dalam pelajaran berbanding warga tempatan.

## **Limitasi Kajian**

Untuk mendapatkan responden dalam kajian ini bukannya suatu perkara yang mudah. Responden tidak sekumpul. Jika ada pun responden tidak mengaku bahawa mereka kanak-kanak jalanan. Jika didesak, pengkaji diancam. Juga terdapat responden yang tidak berminat untuk bekerja sama walau pun dijanjikan cendera hati. Adakalanya item-item soal selidik yang dikemukakan tidak dijawab dengan penuh minat dan cepat bosan. Pemberian cenderahati berupa wang dan kesabaran pengkaji dapat mengawal keadaan sewaktu responden ditemubual. Jumlah sampel yang sedikit bagi subjek yang menyalahgunakan dadah dan gam adalah sangat kecil menyebabkan perbezaan kerterlibatan kanak-kanak jalanan dalam penyalahgunaan dadah, alkohol, gam dan rokok tidak dapat dibezakan secara signifikan.

## **Saranan**

Kajian ini adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada bakal pengkaji di masa akan datang agar lebih mudah untuk menjalankan kajian mereka. Dalam kajian ini telah diterangkan mengenai saranan-saranan mengenai kajian berkenan dengan penyalahgunaan bahan dalam kalangan kanak-kanak agar bakal pengkaji di masa akan datang memperolehi asas pengetahuan dan panduan kepada kajian yang akan dilakukan. Diharap, hasil kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak berwajib untuk memikirkan langkah sewajar dalam membendung masalah kanak-kanak jalanan.

## RUJUKAN

- Abhay M, . Gaidhane, A.M., Syed Zahiruddin, Q., Waghmare, L., Shanbhag, S., Zodpey, S., Joharapurkar, S. R. (2008). Substance abuse among street children in Mumbai. *Vulnerable Children and Youth Studies*, 3, 42-51.
- Aptekar, L. & Stocklin, D. (1997). Children in particularly difficult circumstances: A cross cultural perspective. In Aptekar, L. & Abebe, B. (n.d). *Conflict in the neighbourhood: Street and working children in the public space*. Transcultural Psychosocial Institute.
- Barrette, M.J. (1995). *Street children need our care*. Pretoria: Kagiso.
- Bar-On, A. (1998). So what's so wrong with being a street child? *Child & Youth Care Forum*, 27, 3, 201-221.
- Daily Express*, 24 April 2005.
- De Moura, S.L. (2002). The social construction of street children: Configuration and implications. *British Journal of Social Work*, 32 (3), 353 – 367.
- De Venanzi, A. (2003). Street Children and the excluded class. *International Journal of Comparative Sociology*, 44, 472- 478.
- Fernandes, G. T. & Vaughn, M. G., (2008). Brazilian street children: Contextual influences in relation to substance misuse. *International Social Work*, Vol 51(5), 669-681.
- Goodwin, C. J. (2010). Research in Psychology : Methods and Design. New Jersey, US: Wiley.
- Le Roux, J. & Smith, C.S. (1998). Is the street child phenomenon synonymous with deviant behaviour? *Adolescence*, 33 (132), 915 – 926.
- Motala, S., & Smith, T. (2003). Exposed to risk: girls and boys living on the streets. *Agenda*, 56, 62- 72.
- New Internationalist 377, *Street Children*, April 2005.
- Veale, A., & Dona, G. (2003). Street children and political violence: a socio demographic analysis of street children in Rwanda. *Child Abuse and Neglect*, 27, 253 – 269.

# **KONFLIK PENGGUGURAN JANIN BERKELUARGA DAN TIDAK BERKELUARGA DI DALAM MASYARAKAT : HUKUM, FATWA, UNDANG-UNDANG DAN PENYELESAIANNYA**

Tn Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi  
Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa  
Dr. Hj. Zulkifli Mohamad al-Bakri

Fakulti Syariah & Undang-Undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia.

## **Abstrak**

Pengguguran janin bukanlah isu baru yang sering kali diperkatakan pada hari ini. Pelbagai kejadian pengguguran janin telah pun berlaku samaada ianya secara haram atau pun sebaliknya. Akibatnya, ianya telah mengundang pelbagai reaksi negatif dan positif daripada pelbagai lapisan masyarakat, dan seterusnya mencetuskan persoalan dari sudut agama dan implikasi undang-undang, khususnya kebajikan kepada janin tersebut. Sejauh manakah amalan ini diharuskan Syarak dan apakah implikasinya terhadap individu serta masyarakat yang terlibat. Oleh itu, artikel ini dikemukakan bagi membincangkan tentang hukum-hakam pengguguran janin dari perspektif Islam dan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan berhubung dengan permasalahan ini sebagai satu renungan dan rujukan masyarakat Malaysia sama ada yang telah berkeluarga atau pun sebaliknya. Artikel ini juga menjelaskan isu-isu semasa berkaitan pengguguran janin; di antaranya perempuan yang dijangkiti virus HIV, perempuan yang dirogol, perempuan yang di bawah usia 19 tahun dan juga peruntukan undang-undang sivil berhubung dengan isu ini.

---

<sup>1</sup>. Artikel ini telah dibentangkan di Seminar Syariah Dan Undang-Undang Peringkat Kebangsaan 2010 (SYUK 2010), Bertempat di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Pada 2-3 November 2010; seterusnya ditambah baik pada bulan Januari 2011 untuk penerbitan Jurnal Jabatan Kebajikan Masyarakat Jun 2011.

<sup>2</sup>. Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia merangkap Penyelaras Seminar Wacana, Unit Politik, Kemasyarakatan Dan Isu-isu Semasa, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).

<sup>3</sup>. Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia merangkap Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan.

<sup>4</sup>. Karyawan Tamu, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) merangkap Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Negeri Terengganu.

## **Muqaddimah**

Kehidupan janin pada pandangan Islam adalah kehidupan yang dihormati kerana Islam menganggapnya sebagai makhluk hidup yang mesti dipelihara. Syariat Islam sendiri mengharuskan perempuan yang mengandung supaya tidak berpuasa pada bulan Ramadhan, bahkan menjadi wajib kepadanya jika dikhuatiri puasanya akan menjelaskan kandungan. Oleh yang demikian, Islam mengharamkan segala bentuk penganiayaan ke atas janin, walaupun penganiayaan itu datang daripada kedua ibu bapanya, hatta ibu kandungnya sendiri.

## Definisi Pengguguran

Menurut Kamus Dewan edisi ke-4 (hal. 486), gugur bermaksud jatuh, luruh, runtuh, lahir sebelum cukup bulan, mati dalam pertempuran, hilang dan habis. Sedangkan maksud pengguguran pula ialah perihal perbuatan, tindakan menggugurnya. Dalam bahasa Arab, ianya disebut sebagai *ijihadh* (إجهاض) atau *isqat* (اسقاط).

Maksudnya pada bahasa ialah dengan dua makna:

- i. Membuang kandungan yang kurang sifatnya atau kurang jumlah masanya samada daripada perempuan atau lainnya. Mengitlaqkan pada bahasa adalah benar sama ada pengguguran itu dilakukan dengan perbuatan pelakunya atau secara tidak sengaja. Lihat *al-Misbah*, *al-Kamus*, *Lisan al-Arab* pada perkataan *jihadha*.
- ii. Dalam *al-Mu'jam al-Wasit* menyebut bahawa Majma' al-Lughah al-Arabiah telah mengakui bahawa perkataan *ijihadh* (إجهاض) memberi maksud keluarnya janin sebelum bulan keempat kandungan. Sedangkan perkataan *isqat* (اسقاط) pula ialah menggugurkan kandungan yang berusia antara 4 bulan hingga 7 bulan. Ini adalah istilah ulama' mutakhir selepas kurun ketiga belas hijrah.

Antara lafaz lain yang seperti dengannya ialah: (الطرح) (الإملاص) dan

Pengguguran (bahasa Inggeris: *abortion*) merupakan penyingkiran atau pengeluaran embrio atau fetus dari uterus ibu, dan mengakibatkan kematian embrio atau fetus itu.

## Istilah Perubatan Berkenaan Pengguguran:

Berikut merupakan istilah-istilah perubatan untuk mengkategorikan pengguguran:

- i. Pengguguran spontan (keguguran): Kematian atau penyingkiran bayi dari rahim akibat trauma tak sengaja atau sebab semula jadi. Keguguran sebagini boleh disebabkan replikasi kromosom tidak betul, atau faktor persekitaran lain.
- ii. Pengguguran penyingkiran bayi dari rahim yang dilakukan dengan sengaja oleh manusia sendiri. Pengguguran seperti ini boleh dikategorikan kepada:
  - Pengguguran terapeutik: Pengguguran yang dilakukan bagi menyelamatkan nyawa wanita yang hamil.

- Memelihara kesihatan atau fizikal mental wanita.
- Menghentikan kehamilan yang akan melahirkan bayi yang mempunyai gangguan kongenital yang membawa maut atau keadaan tidak sihat yang teruk.
- Mengurangkan jumlah fetus secara berpilih, untuk mengurangkan risiko kesihatan yang berkaitan dengan kehamilan berganda.

## **Peringkat Kejadian Janin**

Al-Maraghi dalam tafsirnya (9/4523-4524) berkata: Allah SWT menyebut tujuh peringkat kejadian manusia:

- i. Allah SWT mencipta manusia daripada air mani yang dihasilkan daripada makanan, makanan pula berasal daripada tumbuh-tumbuhan yang berkembang daripada bumi dan air.
- ii. Daripada air mani itu kemudiannya bertukar menjadi darah yang terhasil daripada makanan yang berpunca daripada tanah.
- iii. Setelah menjadi darah beku yang tebal dan nampak jelas yang membezakan antara air dengan darah.
- iv. Kemudian segumpal daging yang sempurna, yang tidak ada kekurangan dan tidak ada cacat cela pada permulaan kejadiannya dan daripada segumpal daging yang tidak sempurna yang mempunyai kecacatan. Adanya perbezaan dalam kejadian ini antara manusia dari segi rupa, bentuk, tinggi dan rendahnya.
- v. Kami telah mencipta kamu dengan cara ini agar Kami dapat menjelaskan kepada kamu keindahan urusan sistem Kami yang agung dan bijaksana, seperti adanya Hari Kebangkitan.
- vi. Seterusnya, Kami membahagiakan kamu dan memelihara kamu hingga dewasa dan memiliki kekuatan yang sempurna.
- vii. Sesudah itu di kalangan kamu ada yang dimatikan ketika dewasa dan mempunyai akal yang sempurna, ada pula yang dibiarkan hidup hingga menjadi sangat tua berperangai seperti kanak-kanak, tubuh, akal dan pemahamannya juga menjadi lemah.

Dalam buku *Khalq al-Insan wa al-Quran*, Dr. Muhammad Ali al-Bar menyebut: *Nutfah* kepada tiga peringkat:

**Pertama:** Nutfah atau mani lelaki.

**Kedua:** Nutfah atau mani wanita.

**Ketiga:** Nutfah yang bercampur disebut dalam al-Quran:

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ بَتَّلَيْهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا

**Maksudnya:** Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani Yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu maka Kami jadikan Dia berkeadaan mendengar dan Melihat.

(Surah al-Insan: 2)

Ibn Kathir menafsirkan dengan maksud bercampur sebahagian mani lelaki dan sebahagian mani perempuan. Sedangkan Ibn Abbas RA menafsirkan dengan maksud yang sama apabila berlaku himpunan mani lelaki dengan perempuan (persenyawaan), kemudian berpindah dari satu peringkat kepada peringkat dalam tumbesarnya. Inilah juga pendapat Ikrimah, Mujahid, al-Hassan dan al-Rabi' bin Anas.

## Sebab Berlakunya Pengguguran

Banyak sebab berlakunya pengguguran antaranya:

- Menurut Pakar Sakit Puan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Dr. Harlina Halizah Siraj, kaedah pengguguran di kalangan wanita yang telah bersuami telah dijadikan sebagai cara untuk merancang keluarga tetapi ia kurang sesuai digunakan sebagai kaedah merancang keluarga.
- Dengan sebab gejala sosial atau perzinaan. Masalah terlanjur hingga mengandungkan anak luar nikah menjadi penyumbang terbesar pengguguran.
- Tambahan pula pasangan tidak mahu bertanggungjawab dan lepas tangan.
- Faktor kesihatan sama ada membabitkan anak atau ibu.

## **Implikasi atau Kesan akibat Pengguguran**

Menurut Pakar Sakit Puan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Dr. Harlina Halizah Siraj berkata: “Pengguguran hanya dianjurkan sekiranya melibatkan keselamatan nyawa ibu yang terancam akibat kehamilan. Itupun hanya setelah mendapatkan pengesahan dua pakar yang bertauliah, barulah prosedur pengguguran itu dijalankan ketika usia kehamilan masih awal lagi iaitu sebelum empat bulan.”

Antara kesan dan akibatnya ialah:

- Setiap kali berlakunya pengguguran ia boleh mengancam nyawa si ibu.
- Terdapat beberapa komplikasi yang akan dihadapi oleh si ibu akibat pengguguran yang tidak diawasi doktor yang bertauliah antaranya:
  - i. Pendarahan yang tidak terkawal, mengundang kecederaan kepada organ seperti rahim dan pangkal rahim, serta boleh mengakibatkan kematian.
  - ii. Boleh mengakibatkan jangkitan kuman yang teruk pada rahim, yang menyebabkan masalah ketidaksuburan berlaku selepas itu.
  - iii. Akan menerima kesan emosi selepas setiap pengguguran dilakukan walaupun ramai di kalangan mereka cuba menafikan perasaan berkenaan.
  - iv. Pasti jauh di sudut hati mereka timbul perasaan sedikit bersalah dan terkilan kerana pada masa lalu mereka pernah melakukan sesuatu ke atas janin sendiri.

## **Hukum Pengguguran Janin**

### **Muqaddimah Hukum Berkaitan dengan Pengguguran**

Sebelum dibincangkan berkenaan dengan hukum pengguguran janin dengan terperinci, dikemukakan di sini pelbagai hukum berkaitan dengan pengguguran sebagai muqaddimah kepada perbincangan yang lebih khusus.

- i. Tidak harus menggugurkan kandungan jika telah hidup sebagaimana pendapat mantan mufti Arab Saudi yang pertama, Syeikh Muhammad bin Ibrahim. Lihat Fatawa al-Mar’ah al-Muslimah (hal. 607).

- ii. Apabila mencapai 120 hari kandungan janin tidak halal dengan ijma' untuk digugurkan kecuali memberi mudharat kepada ibu. Ini dinukilkan daripada Syeikh Muhammad bin Abdul Maqsud. Lihat Fatawa al-Mar'ah al-Muslimah (hal. 607).
- iii. Syara' mengenakan hukuman yang berat (diyat yang penuh) terhadap sesiapa yang memukul perut perempuan yang hamil lalu tergugur janinnya dalam keadaan hidup kemudian mati disebabkan pukulan tersebut.
  - Ibn Munzir meriwayatkan bahawa ulama' telah bersepakat mengenai hukuman dalam masalah ini.
  - Ibn Qudamah berkata: Pendapat ini adalah pandangan kebanyakkan ulama' dan diriwayatkan daripada Umar RA. Mereka berdalikan kepada firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطًّا وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطًّا فَتَحِيرُ رَبَّهُ مُؤْمِنَةٌ  
 وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَى أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصْدَقُوا فَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ عَدُولَكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَتَحِيرُ  
 رَبَّهُ مُؤْمِنَةٌ وَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ بَيْنَهُمْ مِيْشَنٌ فَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَى أَهْلِهِ  
 وَتَحْرِيرُ رَبَّهُ مُؤْمِنَةٌ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ تَوْبَةً مِنَ اللَّهِ  
 وَكَانَ اللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمًا

**Maksudnya:** Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin Yang lain, kecuali Dengan tidak sengaja. dan sesiapa Yang membunuh seorang mukmin Dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kaffarah) Dengan memerdekaan seorang hamba Yang beriman serta membayar "diah" (denda ganti nyawa) Yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaaftikannya). tetapi jika ia (yang terbunuh Dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) Yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kaffarah sahaja dengan) memerdekaan seorang hamba Yang beriman. dan jika ia (orang Yang terbunuh Dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) Yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu Dengan mereka, maka wajiblah membayar "diah" (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekaan seorang hamba Yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa Yang tidak dapat (mencari hamba Yang akan dimerdekaannya), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut; (Hukum Yang tersebut) datangnya dari Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Nisa': 92)

Mereka juga mengatakan: Apabila seseorang perempuan yang hamil meminum ubat, lalu janinnya gugur, maka dia dikenakan *ghurrah* (hukuman), dan dia tidak boleh mewarisi apa-apa daripada janinnya dan wajib ke atasnya membebaskan seorang hamba. Ini disebabkan dia telah melakukan jenayah dengan menggugurkan janinnya. Sebagai balasannya, dia dikenakan *ghurrah* dan dia tidak boleh mewarisi apa-apa daripada janinnya kerana pembunuhan tidak boleh mewarisi sesuatu daripada orang yang dibunuhnya. *Ghurrah* atau hukuman denda tadi menjadi hak kepada waris janin. Sementara membebaskan hamba merupakan hukuman kepada jenayah menggugurkan janinnya.

- Ibn Hazm dalam kitabnya *al-Muhalla* menyebut: Dalam bab membunuh janin setelah ditiupkan roh iaitu selepas seratus dua puluh hari seperti yang disebutkan oleh hadith. Jenayah ini dianggap sebagai jenayah membunuh dengan sengaja dan dikenakan balasan sepetimana hukuman membunuh yang lain iaitu dikenakan qisas dan sebagainya.

Kata Ibn Hazm: Sekiranya orang bertanya: Apakah yang akan kamu katakan terhadap perempuan yang sengaja membunuh janinnya yang telah berumur lebih daripada seratus dua puluh hari secara yakin, ataupun ada orang lain yang sengaja melakukan jenayah ke atas perut seseorang perempuan yang sedang hamil lalu membunuh janinnya? Kita katakan: “Dia wajib dikenakan qisas, bukan lagi *ghurrah* (denda), kecuali dia dimaafkan, barulah dikenakan *ghurrah* kerana *ghurrah* merupakan denda ke atasnya. Dalam kes ini kaffarah tidak dibolehkan kerana dia membunuh dengan sengaja. Hukuman yang diwajibkan ke atasnya ialah qisas kerana dia membunuh seorang mukmin dengan sengaja dan nyawa dibalas dengan nyawa. Keluarga yang dibunuh boleh memilih antara dua, iaitu qisas dan diyat atau tebusan sepetimana yang pernah dihukumkan oleh Rasulullah SAW terhadap seorang yang membunuh jiwa seorang muslim.”

Ibn Hazm berkata mengenai seorang perempuan hamil yang meminum ubat lalu tergugur janinnya: “*Sekiranya janinnya belum ditiupkan roh, perempuan itu dikenakan ghurrah (denda), sekiranya janin tersebut telah ditiupkan roh tetapi dia membunuh dengan tidak sengaja, dikenakan ghurrah terhadap keluarganya dan kaffarah ke atasnya. Sekiranya dia membunuh dengan sengaja, maka balasannya adalah qisas atau membayar tebusan daripada hartanya.*”

Dalam hal ini dibahagikan kepada tiga:

**Pertama:** Pengguguran sebelum ditiup roh.

**Kedua:** Pengguguran selepas ditiup roh.

**Ketiga:** Pelbagai hukum berkaitan dengan pengguguran.

Semuanya ini akan dibincangkan satu persatu mengikut pandangan ulama'

### **Pertama: Pengguguran sebelum ditiup roh.**

Dalam hal ini terdapat dua pandangan ulama':

- i. Hukumnya tidak dibolehkan dan haram.

Dalam kitab *al-Wafi* menyebut hukumnya haram pengguguran walaupun belum ditiupkan rohnya lagi. Inilah pendapat kebanyakan ulama'. Hal ini berdasarkan hadith daripada Huzaifah bin Usaid bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا مَرَّ بِالنُّطْفَةِ اثْنَانِ وَأَرْبَعُونَ لَيْلَةً وَفِي رِوَايَةٍ: بِضُعْ وَأَرْبَعُونَ لَيْلَةً بَعَثَ اللَّهُ مَلَكًا فَصُورَهَا وَخَلَقَ سَمْعَهَا وَبَصَرَهَا وَجَلَدَهَا وَلَحَمَهَا وَعَظَامَهَا.

**Maksudnya:** "Jika nutfah telah berlalu (genap) empat puluh dua malam (dalam riwayat yang lain, lebih dari empat puluh hari) Allah SWT mengutuskan malaikat untuk membentuknya, menciptakan akan pendengarannya, penglihatannya, kulitnya, dagingnya dan tulang temulangnya."

Sebahagian *fuqaha'* mengharuskan bagi wanita menggugurkan janin selama mana belum ditiup roh, tetapi Mazhab Hanbali menjelaskan, jika sudah menjadi '*alaqah*', maka hukumnya tidak harus menggugurnya kerana ia dianggap anak atau bayi.

- ii. Hukumnya harus dan dibolehkan.

Dalam kitab *Jami' al-Ulum al-Hikam*, karya Ibn Rajab al-Hanbali menyebut: "Segolongan ulama' *feqah* telah memberi keringanan (*rukhsah*) untuk seorang wanita menggugurkan janin dalam kandungannya selagi mana roh belum ditiupkan."

Golongan ulama' *feqah* ini menjadikan pengguguran ini sama hukumnya dengan perbuatan suami memancutkan air mani di luar faraj isterinya. Pendapat ini lemah (*dha'if*). Justeru, janin merupakan anak yang telah termasuk pada sebahagian proses ciptaannya (peringkat dari beberapa peringkat sebagaimana yang telah dijelaskan) dan berkemungkinan telah terbentuk seorang rupa bentuk seorang manusia.

Sebaliknya *azal* (perbuatan memancutkan air mani di luar faraj isterinya) tidak ada kaitan sedikit pun dengan janin dan sesungguhnya perbuatan ini menghalang dari berlakunya pembentukan manusia dari awal lagi bermula setitis air mani yang menempati secara tetap di dalam rahim ibu. Sesungguhnya penciptaan manusia tidak akan terhalang dengan azal sekiranya dikehendaki oleh Allah SWT ke atas makhluk-Nya.

## Tarjih

Dr. Yusuf al-Qaradhwai dalam *Fatawa Mu'asirah* (8/390-391) berkata: Sebahagian doktor dan pakar bedah telah membuat komentar terhadap pendapat ulama' yang mengharuskan pengguguran janin sebelum ditiupkan roh dengan mengatakan bahawa hukum yang mereka keluarkan itu berdasarkan kepada pengetahuan di zaman mereka.

Sekiranya mereka mengetahui sebagaimana yang diketahui pada hari ini tentang hakikat kehidupan janin yang istimewa, yang mewarisi ciri-ciri keluarga dan kedua ibu bapanya, nescaya mereka akan mengubah fatwa mereka disebabkan berubahnya sebab (*illah*) fatwa tersebut dikeluarkan. Ini disebabkan kewujudan setiap hukum dan ketiadaannya bergantung kepada wujud atau tiadanya *illah*.

Sesungguhnya di antara rahmat Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya ialah saintis yang mengkaji ilmu janin dan pakar bedah sendiri telah berselisih (seperti fuqaha' juga) dalam menentukan bentuk kehidupan janin di peringkat sebelum seratus dua puluh hari. Perselisihan mereka ini menguatkan lagi perselisihan fuqaha' dalam masalah yang sama.

## Hukum Pengguguran yang Belum Genap 40 Hari

Dalam kitab *Nihayah al-Muhtaj* menyebut dua pendapat:

- i. Tidak sabit kepadanya hukum pengguguran dan pembunuhan.
- ii. Janin mempunyai kehormatan, tidak harus merosakkannya, juga tidak harus melakukan sebab yang boleh mengeluarkannya setelah ia berada di dalam rahim.

Sebahagian ulama' yang lain pula membezakan antara peringkat janin sudah terbentuk dan peringkat sebelumnya. Mereka memberi kelonggaran untuk menggugurkan janin sebelum tempoh terbentuknya, tidak selepasnya.

Dalam kitab mazhab Hanafi *al-Nawadir* disebut: Seseorang perempuan yang melakukan pengguguran terhadap janinnya dikira tidak berdosa sekiranya bentuk kejadian janin tersebut belum nyata.

## Kedua: Pengguguran Selepas Ditiup Roh

Jika tanpa sebarang alasan dan sebab seperti itu kesihatan yang membabitkan mudharat kepada ibu atau janin para ulama' bersepakat dalam pengharaman pengguguran janin. Begitu juga perbuatan menggugurkan itu dianggap sebagai jenayah. Tidak halal bagi mana-mana orang Islam melakukannya kerana dianggap sebagai jenayah kepada yang hidup yang telah sempurna zahir kehidupannya. Justeru, diwajibkan *diyat* kepada orang yang menggugurkannya jika ia gugur dalam keadaan hidup kemudian mati. Hukuman pembayaran harta ini lebih ringan sekiranya yang gugur dalam keadaan tidak bernyawa.

Dr. Ahmad al-Syarbasi dalam kitabnya, *Yasalunaka fi al-Din wa al-Hayah*, (2/202) menyebut: “*Sepakat ulama' feqah bahawa menggugurkan kandungan, hukumnya haram dan sebagai jenayah jika selepas berlakunya tiupan roh pada janin, iaitu seperti kata mereka selepas empat bulan dari tarikh kehamilan. Jika ini dilakukan, maka hendaklah dibayar diyat. Ini jika tiada dharurat untuk pengguguran. Sebaliknya, jika terdapat kemudharatan, maka hukumnya hendaklah kita memilih yang paling ringan antara dua kemudharatan, iaitu pengguguran, seperti jika dikekalkan, boleh membawa kepada kematian ibu.*”

Adapun pengguguran sebelum ditiup roh dan belum mencapai empat bulan, ulama' telah *khilaf* kepada beberapa pendapat:

- Ada yang mengharuskan dan bukanlah haram.
- Ada yang berpendapat hukumnya haram.
- Ada yang berpendapat hukumnya makruh.

Alasan semuanya ini kerana kedudukan janin yang kehidupannya masih kesamaran sebelum ditiupkan roh.

Syeikh al-Syarbasi berkata: “*Boleh kita himpun dua pendapat tersebut dengan pengguguran di sini tanpa sebarang keperluan, maka hukumnya haram atau makruh. Sebaliknya, jika terdapat keperluan, maka hukumnya harus dan tidak haram.*”

Sebahagian ulama' mazhab Syafie menyangka sebagaimana yang disebutkan dalam kitab ***Hasyiah al-Syarawani ala Ibn Qasim*** (9/41) bahawa Abu Hanifah mengharuskan pengguguran selepas ditiupkan roh.

Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam ***Fatawa Mu'asirah*** berkata: "Ini adalah salah faham terhadap pendapat dan mazhabnya kerana kitab-kitab mazhab Hanafi banyak yang menunjukkan pengguguran adalah haram."

## **Fatwa Majlis Ulama' dan Tokoh-tokoh**

Dikemukakan di sini beberapa fatwa ulama' berkenaan dengan isu pengguguran janin.

### **Pertama: Pengguguran Janin Cacat (tidak sempurna) Kejadian**

#### **1. Fatwa Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami, Rabitah al-Alam al-Islami.**

Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami, Rabitah al-Alam al-Islami dalam persidangannya yang ke-12, bertempat di Makkah al-Mukarramah pada 1 Rejab 1410H (10 Februari 1990M) hingga 22 Rejab 1410H (17 Februari 1990M) membuat keputusan berkenaan dengan Permasalahan yang membabitkan **Pengguguran Janin Cacat (tidak sempurna) Kejadian** seperti berikut:

- i. Jika janin sudah mencapai 120 hari, hukumnya tidak harus menggugurkannya sekalipun *medical check up* menunjukkan dia cacat kecuali *dithabitkan* keputusannya oleh Lajnah Perubatan daripada perkara-perkara yang *thiqah*, bahawa jika dikekalkan boleh membawa kepada bahaya terhadap kehidupan ibu. Ketika itu, haruslah menggugurkannya sama ada atau tidak selaras dengan kaedah menolak kemudharatan yang lebih besar.
- ii. Sebelum tempoh 120 hari kandungan janin, jika *thabit* yang kuat berdasarkan keputusan Lajnah Perubatan oleh kumpulan pakar yang *thiqah*. Begitu juga dengan mengambil kira segala check up dengan *x-ray* dan alat bantu perubatan moden (teknologi tinggi) bahawa janin yang mengalami risiko kecacatan yang tinggi tidak dapat dirawat. Jika kekal hidup akan membawa kesusahan dalam hidup, kesedihan dan penderitaan terhadap keluarga dan ahlinya. Ketika itu, harus menggugurkan janin mengikut kehendak kedua ibu bapanya.

Pihak majlis ulama' membuat keputusan dengan berwasiat kepada doktor/pakar-pakar perubatan dan ibu bapa supaya bertaqwah kepada Allah SWT.

Ulama' yang hadir dan bersetuju:

- Syeikh Abdul Aziz bin Baz – Pengurus Majlis.
- Dr. Abdullah Umar Nasih – Timbalan Pengurus Majlis.
- Syeikh Abdullah Abdul Rahman al-Bassam – Ahli.
- Syeikh Muhammad Mahmud al-Sawwaf – Ahli.
- Dr. Yusuf al-Qaradhawi – Ahli.
- Dr. Muhammad Rashid Raghib al-Qabbani – Ahli.
- Syeikh Abu Bakar Jumi – Ahli.
- Dr. Ahmad Fahmi Abu Sahanah – Ahli.
- Dr. Muhammad al-Habib bin al-Khujah – Ahli.
- Dr. Abdul Rahman Hamzah Marzuki – Ahli.
- Dr. Talal Umar Ba Faqih – Ahli.

Ulama' yang hadir dan tidak bersetuju:

- Syeikh Muhammad Yasin Jubair.
- Dr. Bakar Abdullah Abu Zaid.
- Syeikh Mabruk Mas'ud al-'Awadi.

Ulama' yang tidak hadir:

- Syeikh Hasanain Muhammad Makhluf.
- Syeikh Soleh bin Abdul Aziz al-Uthaimin.
- Syeikh Abi al-Hasan Ali al-Hasani al-Nadawi.
- Syeikh Muhammad al-Syazili al-Nifar.
- Syeikh Mahmud Shith Khattab.
- Syeikh Muhammad Salim Abdul Wadud.

## **2. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan**

Menggugurkan kandungan atas nasihat doktor disebabkan kecacatan. Muzakarah kali ke-26 yang bersidang pada 7-8 Mac 1990 telah membuat keputusan dengan mengikut peringkat umur serta berdasarkan syarat-syarat berikut:

- i. Menurut Ijma' Fuqaha', haram menggugurkan janin yang telah berusia lebih 120 hari kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu atas sebab-sebab kecacatan yang teruk.
- ii. Makruh menggugurkan janin yang berusia antara 1 hari hingga 40 hari sekiranya tidak mendatangkan bahaya pada ibu dan mendapat persetujuan daripada kedua-dua suami isteri.
- iii. Ijma' Fuqaha' berpendapat bahawa pengguguran janin yang berusia sebelum 120 hari harus sekiranya janin itu cacat dan berpenyakit yang boleh membahayakan nyawa ibu.

### **3. Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu**

Pengguguran ke atas ibu yang mengidap (T.B). Mesyuarat mengambil keputusan seperintima berikut:

- i. Janin di dalam kandungan terbentuk dalam beberapa peringkat iaitu peringkat awal yang dipanggil *nutfah* iaitu dari satu hari hingga 40 hari. Peringkat kedua '*alaqah*' iaitu dari 41 hari hingga 80 hari. Peringkat sesudah terbentuk yang dipanggil *mudhghah* iaitu berumur antara 81 hari hingga 120 hari. Peringkat keempat pula ialah selepas berumur 121 hari iaitu sesudah ditiup roh insaniah ke dalamnya (janin).
- ii. Terdapat berbagai kecacatan yang berlaku pada janin, antaranya ialah kecacatan fizikal seperti pekak, buta mata, sumbing bibir, tiada otak, kepala besar dan sebagainya. Yang kedua ialah kecacatan mental seperti kelembapan otak, kecacatan otak dan sebagainya. Bentuk kecacatan pula ialah kecacatan teruk dan kecacatan ringan.
- iii. Menurut ijma' Fuqaha', adalah haram menggugurkan janin telah berumur 120 hari kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin yang telah ditiupkan roh. Kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu atas sebab-sebab kecacatan yang bersanggatan.
- iv. Manakala menggugurkan janin yang berusia antara 1 hari hingga 40 hari adalah makruh, sekiranya tidak mendatangkan bahaya pada ibu dan mendapat persetujuan daripada kedua suami isteri.

- v. Ijma' Fuqaha' juga berpendapat pengguguran janin berusia sebelum 120 hari adalah harus sekiranya janin itu menghadapi cacat dan penyakit yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.

Mesyuarat telah mengambil keputusan bahawa adalah haram menggugurkan janin di dalam kandungan kecuali atas sebab-sebab kecacatan yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.

Manakala soalan apakah berdosa doktor serta jururawat yang bertugas dalam melakukan pengguguran tersebut, kerana terpaksa melakukannya disebabkan tugas yang mesti dipikul mengikut undang-undang dan prosedur perubatan dan mendapat persetujuan daripada ibu yang mengandung tersebut. Mesyuarat mengambil keputusan ia berkait rapat dengan hukum pengguguran, samada pengguguran itu hukumnya haram atau sebaliknya.

4 Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam Fatawa Mu'asirah (Terjemahan), (8/384) dalam isu pengguguran janin yang tidak normal, antara lain katanya: Sebahagian pengkaji ketika memasukkan ke dalam permasalahan yang berlaku ini, mengemukakan pelbagai bentuk persoalan, iaitu:

Apabila telah nyata secara ilmiah bahawa janin mengikut ketetapan Allah, akan menghadapi kecacatan yang bahaya, yang akan menyebabkan kesengsaraan dan porak-peranda kepada diri sendiri dan keluarganya, bertepatan dengan kaedah:

**الضرر يدفع بقدر الامكان**

**Maksudnya:** “Kemudharatan dihapuskan dengan sedaya upaya yang mungkin.”

Perkara ini mestilah dikenalpasti oleh sekumpulan pakar perubatan dan bukannya hanya menerima pendapat daripada seorang doktor sahaja. Pendapat yang paling kuat ialah apabila janin telah berusia lebih daripada empat bulan, maka ia akan menjadi manusia yang sempurna. Setiap jenayah yang dilakukan ke atasnya samalah seperti jenayah yang dilakukan terhadap bayi yang dilahirkan.

Pada kebiasaanannya, setiap bayi yang mengalami kecacatan yang sangat teruk tidak akan hidup lama selepas dilahirkan, sebagaimana kebiasaan. Hal ini diakui sendiri oleh sekumpulan doktor pakar dalam bidang tersebut. Perlu juga diketahui bahawa banyak sekali peristiwa yang berlaku, di mana adakalanya juga pakar perubatan tersalah membuat andaian dalam melakukan diagnosis terhadap seseorang pesakit.

Dalam hal ini, saya teringat terhadap suatu peristiwa yang pernah saya alami dalam beberapa tahun yang lampau. Seorang sahabat saya yang tinggal di sebuah negara Barat telah meminta fatwa dengan menyatakan bahawa pakar perubatan mengandaikan bahawa janin di dalam kandungan isterinya yang berusia lima bulan akan dilahirkan dalam keadaan cacat.

Pakar perubatan tersebut amat cenderung kepada pendapat mereka, tetapi tidaklah berkeyakinan 100%. Berdasarkan hal ini, saya berpendapat supaya pesakit tersebut hendaklah bertawakkal kepada Allah dengan menyerahkan segala kudrat dan masalah kepada Yang Maha Agung kerana berkemungkinan juga, pandangan doktor tersebut tersilap. Selepas beberapa bulan, tanpa dijangka, saya menerima sekeping gambar seorang bayi yang sangat comel dan berada dalam keadaan yang sihat. Disertakan bersama potret tersebut, beberapa patah ucapan yang berbunyi: “*Pakcik ku yang dikasihi! Aku bersyukur kepada Allah dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kerana menyelamatkan aku daripada menggugurkan janin pada suatu ketika dahulu. Pandangan pakciklah yang menyebabkan aku berpegang teguh dengan ketentuan Allah.*”

Walau bagaimanapun, kecacatan seseorang bayi yang telah dapat dipastikan kesahihannya, boleh diambil iktibar untuk menggugurkannya jika sekiranya hal ini dapat diketahui sebelum bulan yang keempat atau sebelum ditiupkan roh. Kecacatan yang berlaku selepas bayi itu dilahirkan ke dunia, seperti buta penglihatan, bisu, mahupun pekak, tidak boleh diambil kira.

Kecacatan seperti ini telah menjadi satu perkara biasa di kalangan manusia dan tidak menjadi halangan bagi mereka untuk bersama-sama menanggung bebanan kehidupan. Bahkan, ada di kalangan mereka yang mempunyai akal yang cerdas dan fizikal yang cergas, sehingga termaktub dalam sejarah sehingga ke hari ini.

Oleh yang demikian, kita beranggapan bahawa dengan keupayaan ilmu dan sains serta segala kecanggihan yang ada, akan dapat mengubah tabiat semula jadi seseorang yang sengaja diciptakan oleh Allah SWT sebagai satu ujian kepada manusia.

Firman Allah SWT:

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ

**Maksudnya:** Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermula dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan)

(Surah al-Insan: 2)

Di dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

لَقَدْ خَلَقْنَا أَلْا نَسَنَ فِي كُبَدٍ

**Maksudnya:** Sesungguhnya Kami telah jadikan manusia sentiasa dalam keadaan kesulitan dan kesukaran (jasmani dan rohaninya).

(Surah al-Balad: 4)

Sesungguhnya kecanggihan sains dan teknologi pada masa kini telah banyak menyumbang ke arah pembelajaran orang yang kurang bernasib baik. Begitu juga dengan segala kemudahan ini, ia mampu memudahkan urusan kehidupan mereka sehingga kebanyakan di kalangan mereka berupaya menanggung bebanan kehidupan, sama seperti orang lain. Lebih-lebih lagi, Allah telah mengurniakan dengan beberapa keupayaan serta kemahiran yang luar biasa sebagai ganti kepada kekurangan yang ada pada diri mereka. Hanya kepada Allah lah kita berserah dan Dialah penunjuk jalan kebenaran.

## Kedua: Pengguguran Kerana Menyelamatkan Ibu

Kebanyakan dan hampir semua para ulama' bersetuju diharuskan pengguguran kerana menyelamatkan ibu, antaranya:

1. **Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu**, antaranya:
  - i. Menurut ijma' Fuqaha', adalah haram menggugurkan janin telah berumur 120 hari kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin yang telah ditiupkan roh. Kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu atas sebab-sebab kecacatan yang bersangutan.
  - ii. Manakala menggugurkan janin yang berumur antara 1 hari hingga 40 hari adalah makruh, sekiranya tidak mendapat bahaya pada ibu dan mendapat persetujuan daripada kedua suami isteri.
  - iii. Ijma' fuqaha' juga berpendapat bahawa pengguguran janin berumur sebelum 120 hari adalah harus sekiranya janin itu mengalami kecacatan dan penyakit yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.

- iv. Mesyuarat telah mengambil keputusan bahawa adalah haram menggugurkan janin di dalam kandungan kecuali atas sebab-sebab kecacatan yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.
- 2. Syeikh al-Sodiq bin Abdul Rahman al-Ghiryani dalam **Fatawa min Hayati al-Mar'ati al-Muslimat** (hal. 92) berkata: “Tidak harus menggugurkan janin dalam apa jua peringkat sekalipun usianya kecuali kerana dharurat yang membawa kepada ancaman terhadap kehidupan ibu jika dikekalkan kehamilannya.”

### **Ketiga: Hukum Menggugurkan Janin Bagi Penghidap AIDS**

Dikemukakan di sini beberapa fatwa ulama’:

- i. Syeikh Jada al-Haq Ali Jada al-Haq dalam **Buhus wa Fatawa Islamiah fi Qadaya Mu’asirah** 2/111 berkata: Haram dengan nas yang umum berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, perlakuan pengguguran selepas ditiupkan roh pada janin dengan sebab aib sama ada pada kecacatan fizikal atau warisan yang telah ditemui oleh pakar perubatan melalui kajian. Ini kerana anak tersebut dianggap terpelihara sebagai manusia dan tidak harus dibunuinya sebaliknya Islam memberi rahmat kepada kanak-kanak tersebut yang aib dan cacat sebagaimana tuntutan Rasulullah SAW melakukan *rahmah* berdasarkan banyak hadith.

Walaupun begitu, jika kedapatan aib yang bahaya memberi kesan kepada \ kehidupan maka hukumnya harus digugurkan selama mana usia janin tersebut kurang daripada 120 hari.

- iii. Mengikut Fatawa Lajnah al-Daimah (no. 11848) menyebut bahawa tidak harus menggugurkan kandungan sekalipun membawa virus Aids. Pihak lajnah ulama’ menasihatkan pasangan suami isteri tersebut supaya husnu al-zan kepada Allah serta memohon ‘afiat serta kesihatan daripada segala keburukan.

### **Keempat: Hukum Pengguguran Janin Akibat Dirogol**

1. Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam Fatawa Mu’asirah (2/609-612) antara lain menyebut:

“Bahawa wanita yang dilakukan penjarahan seperti itu dengan kekerasan tidaklah berdosa kerana bukan pilihan tetapi paksaan serta tekanan yang amat kuat.” tetapi paksaan serta tekanan yang amat kuat.” Benarlah firman Allah SWT:

فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

**Maksudnya:** Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(Surah al-Baqarah: 173)

Begin juga dengan hadith, sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ وَضَعَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَا وَالنَّسِيَانَ وَمَا اسْتَكْرِهُوا عَلَيْهِ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah mengampunkan ummatku perbuatan tersilap, lupa dan dipaksa.”

*Riwayat Ibn Majah (1/659) dan disahihkan al-Hakim (2/198)  
dan dipersetujui al-Zahabi dan al-Baihaqi (6/356)*

Dalam keadaan uzur dan terpaksa tidak mengapa memilih salah satu daripada dua pendapat yang lain. Ini kerana jika keuzuran begitu kuat, maka rukhsah begitu zahir. Isu penjarahan daripada musuh yang kafir lagi jahat kepada wanita Islam yang baik termasuk dalam uzur yang kuat. Justeru, rukhsah untuk pengguguran dibenarkan berdasarkan fatwa berkenaan dharurat hendaklah ditakdirkan mengikut kadarnya.

Walaupun begitu, suka saya tegaskan di sini bahawa menjadi hak wanita Islam yang diuji dengan sebegini memelihara janin tersebut dan tidak menjadi kesalahan dari segi hukum syara’nya. Dia tidak boleh dipaksa menggugurnya dan jika lahir anak tersebut dianggap sebagai anak Islam kerana dilahirkan dalam fitrah iaitu tauhid dengan maksud Islam.

Begitu juga fuqaha’ telah membuat kaedah bahawa anak, apabila dua ibu bapa berlainan agama hendaklah mengikuti yang terlebih baik agamanya. Masyarakat dan negara hendaklah mengambil prihatin memelihara dan infaq kepadanya serta baik tarbiyah dan asuhan, dan jangan biarkan tanggungjawab terpikul kepada si ibu yang miskin.

2. Syeikh Jada al-Haq Ali Jada al-Haq dalam *Buhus wa Fatawa Islamiyah fi Qadaya Mu’asirah* (2/115) berkata: Zahir daripada salaf al-soleh, bahawa pengguguran secara umumnya haram sama ada sebelum ditiupkan roh atau selepasnya kerana dalil-dalil yang terdahulu kecuali kerana keuzuran dan hukum ini tidaklah berubah kerana dengan sebab kandungan hamil tersebut daripada zina, rogol sama ada

redha atau tidak kerana ia adalah makhluk Allah. Hal ini tidak dibenarkan lebih-lebih lagi selepas ditiupkan roh.

### **Kelima: Pengguran Janin Kerana Dibimbangi Kemiskinan**

Mengikut Fatawa Lajnah al-Daimah (no. 3710) menyebut, jika dinyatakan seperti di atas sebagai alasan pengguguran maka hukumnya termasuk dalam dosa besar kerana su' al-zan dengan Allah. Lihat **Fatawa Lajnah al-Daimah** (19/329).

### **Keenam: Pengguguran Janin Kerana Usia Isteri Dalam Lingkungan 19 Tahun**

Mengikut Fatawa Lajnah al-Daimah (no. 11234) menyebut bahawa tidak harus perlakuan untuk menggugurkan kandungan isteri tanpa sebab-sebab syara' yang mengizinkannya.

#### **Pengguguran dari Aspek Undang-undang**

Di sini dikemukakan beberapa peruntukan undang-undang berkenaan dengan pengguguran, antaranya:

Kanun Keseksaan **Seksyen 312** Menyebabkan Keguguran menyatakan: "Barang siapa dengan sengaja menyebabkan seseorang perempuan yang hamil gugur hendaklah jika keguguran itu tidak disebabkan dengan suci hati bagi maksud menyelamatkan nyawa perempuan itu diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya, dan jika perempuan itu mengandung anak yang telah bersifat, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda."

Secara umumnya diterangkan seperti berikut:

Peruntukan Seksyen-seksyen 312 hingga 316 Kanun Keseksaan (N.M.B. 45)

**Seksyen 312-** Perbuatan menyebabkan keguguran.

**Seksyen 313-** Perbuatan menyebabkan keguguran dengan tiada kerelaan perempuan.

**Seksyen 314-** Kematian disebabkan oleh perbuatan yang dilakukan dengan niat hendak menyebabkan keguguran, jika perbuatan dilakukan dengan tiada kerelaan perempuan.

**Seksyen 315-** Perbuatan dilakukan dengan niat hendak mengelakkan anak daripada dilahirkan hidup atau hendak menyebabkan ia mati selepas dilahirkan.

**Seksyen 316-** Menyebabkan kematian anak yang belum lahir yang telah bersifat dengan suatu perbuatan boleh terjumlah kepada kesalahan mematikan orang dengan salah.

Berdasarkan peruntukan di atas jelas menunjukkan keperluan masyarakat memahami bahawa menggugurkan janin tanpa sebab-sebab sebenarnya dianggap sebagai satu jenayah.

## Kesimpulan

Selepas memperhalusi isu ini yang dilampirkan dengan pelbagai fatwa, dapatlah disimpulkan seperti berikut:

- Menggugurkan kandungan adalah **haram** mengikut hukum asalnya.
- Pengguguran dianggap jenayah dan hukumnya **berdosa** pada asalnya.
- Menggugurkan kandungan jika ada sebab seperti keselamatan ibu maka hukumnya **harus**.
- Menggugurkan kandungan kerana mengalami risiko kecacatan yang tinggi dan membawa penderitaan pada masa akan datang, maka **dibolehkan**. Antara kecacatan itu seperti:
  - i. Tiada otak.
  - ii. Jantung berlubang.
  - iii. Cacat bahagian organ dalaman.
  - iv. Down Syndrom yang kronik.
- Mengekalkan bayi dalam kandungan **lebih baik** daripada menggugurkannya sekalipun anak itu terhasil daripada penjarahan.
- **Pengharaman** menggugurkan bayi lebih kuat jika sudah bernyawa atau ditiupkan roh iaitu lebih daripada empat bulan 10 hari.
- **Keharusan** pengguguran hendaklah diakui oleh sekurang-kurangnya dua pakar perubatan yang bertauliah.

## **Penutup**

Selepas memperhalusi dan menekuni perbincangan ini, dicadangkan bahawa keharusan pengguguran janin sama ada yang kurang daripada empat bulan atau lebih, hendaklah di benarkan dan disabitkan oleh sekumpulan pakar dari kalangan Islam dan kecacatannya termasuk dalam kategori bahaya serta banyak memudharatkan sama ada kepada ibu bapa atau anak itu sendiri.

Begitu juga dicadangkan beberapa cadangan dan saranan seperti berikut:

- Mengadakan perbincangan dengan yang berkeahlian dan keluarga terdekat seperti pasangan dan ibu bapa.
- Menyerahkan takdir kepada yang Maha Esa dan bertawakkal kepada-Nya.
- Redha dengan takdir Ilahi dan bersabar kerana dunia adalah pentas ujian.
- Memberi semangat dan galakan kepada yang dizalimi dan teraniaya (seperti dirogol) untuk meneruskan sisa-sisa kehidupan dan yakin dengan hikmah ilahiah jika bersabar dan redha.
- Anak-anak dalam kandungan ibu sama ada secara akad nikah yang sah atau sebaliknya tidak dikira berdosa bahkan ia adalah anugerah daripada Tuhan yang perlu dihormati.
- Keperluan kepada penggubalan undang-undang berkenaan dengan isu anak-anak yang tidak sah taraf dan janin dalam perut ibu supaya pertanggungjawaban dan hak janin dapat dipelihara dengan baik. Di Amerika Syarikat contohnya, ada undang-undang yang memberi perlindungan khusus kepada ibu dan bayi. Misalnya *Abandoned Newborn Infant Protection Act (Illinois)*, *Safely Surrendered Baby Law* dan *Safe Haven for Abandoned Babies Act* (California). Undang-undang ini antara lain, membolehkan seorang ibu yang tidak boleh menjaga bayinya untuk menyerahkan bayi itu kepada hospital, klinik atau pusat-pusat yang ditauliahkan. Identiti ibu dirahsiakan dan tiada tindakan diambil ke atasnya, selain bayi diserahkan dalam tempoh 72 jam kelahiran. Bayi itu akan dijaga dengan baik di pusat tersebut. Jika ibu ingin mengubah fikiran, dia boleh datang semula untuk mengambil bayinya tanpa sekatan. Tetapi ini mesti dilakukan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bayi diserahkan. Selepas tempoh *cooling off* dua minggu, jika si ibu tidak menuntut semula anaknya, maka ia akan diberi kepada orang lain sebagai anak angkat.

## **Bibliografi**

- Abu al-Walid Sulaiman bin Khalaf al-Baji. 1332 H. Cetakan Pertama, al-Muntaqa, Syarh Muwatta al-Imam Malik. Kaherah: Dar al-Kitab al-Islami.
- Al-Sadiq bin Abdul Rahman al-Gharyani. 1428 H, 2007 M. Cetakan Pertama. Fatawa min Siasi al-Mar'ah al-Muslimat. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Syahid Sayyid Qutub. 2000 M. Fi Zilal al-Quran (Terjemahan). Kelantan: Pustaka Aman Prees Sdn. Bhd.
- Al-Syeikh Ahmad Mustafa al-Maraghi. 2001 M. Tafsir al-Maraghi. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Ashab Fadhilah Ulama'. 1424 H, 2003 M. Fatawa al-Mar'ah al-Muslimah. Al-Mansurah, Mesir: Dar al-Ghad al-Jadid.
- 'Atiyah Saqr. 1427 H. Cetakan Ketiga. Fatawa wa Ahkam. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Dr. Harlina Halizah Siraj. Pakar Sakit Puan, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM). Wawancara bersama Utusan Malaysia.
- Dr. Muhammad Ali al-Bar. 1415 H. Khalqu al-Insan Bain al-Tibb al-Quran. Al-Dar al-Su'udiah.
- Dr. Mustafa al-Bugha. 2007 M. Cetakan Pertama. Al-Wafi (Syarah Hadith 40 Imam al-Nawawi). Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Ibn Manzur. 1423 H. Cetakan Pertama. Lisan al-Arab. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Imam al-Ghazali. 1426 H. Cetakan Pertama. Ihya' Ulum al-Din. Mesir: Dar al-Ghad, Mansurah.
- Imam al-Nawawi. Matan Arba'in. T.t.
- Imam Ibn Rajab al-Hanbali. 2007 M. Cetakan Kedua. Himpunan Ilmu dan Hikmah. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Imam Ibn Qudamah. 1983 M. Al-Mughni, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut.

Jarullah Mahmud bin Umar al-Zamakhsyari. 1979 M. Asas al-Balaghah. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Majdu al-Din, Muhammad bin Ya'qub al-Fairuz Abadi. al-Qamus al-Muhit. Beirut: Dar al-Jail.

Muhammad bin Abi Bakr al-Razi. 1968 M. Cetakan Pertama, Mukhtar al-Sihah. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

Muhammad Amin bin Umar 'Abidin. 1987 M. Cetakan Kedua, Hasiyah Ibn Abidin. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

Portal e-Fatwa Negeri Terengganu.

Syams al-Din, Muhammad bin Abi al-Abbas al-Ramliy. 1967 M. Cetakan Terakhir, Nihayah al-Muhtaj. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babiy al-Halabi.

Syeikh Ahmad bin Abd al-Razzaq Darwish. 1424 H. Cetakan Keempat, Fatawa al-Lajnah al-Daimah. Mesir: Syarikat Uli al-Nuha, Kaherah.

Syeikh Jada al-Haq Ali Jada al-Haq. 2004 M. Buhuth wa Fatawa Islamiah fi Qadaya Mu'asirah. Kaherah: Dar al-Hadith.

Syeikh Umar bin Muhammad bin Ibrahim al-Ghanim. 1421 H. Cetakan Pertama, Ahkam al-Janin fi al-Fiqh al-Islami. Beirut: Dar Ibn Hazim.

Yusuf al-Haj Ahmad. Ensiklopedia Kemukjizatan Sains.

Yusuf al-Qaradhawi. 1415 H, 1994 M. Cetakan Ketiga. Fatawa Mu'asirah. Dar al-Wafa'.

# **PENYERTAAN DAN KEPERKASAAN DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI: SATU TINJAUAN DARI SUDUT PANDANGAN DUNIA KOMUNITI BIDAYUH LUAR BANDAR**

Novel Lyndon

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 43600, Selangor, Malaysia,  
E-mail: novellyndon@gmail.com

## **Abstrak**

Fokus utama kajian ini ialah mengenai hubungan antara konsep penyertaan dan keperkasaan yang dikonseptualisasikan oleh agen-agen pentadbir atau pihak kerajaan (struktur peringkat makro) dengan makna penyertaan dan keperkasaan yang dikonstruk daripada pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri (struktur peringkat mikro). Perkara ini merupakan jurang teoritikal yang ingin diterokai dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menggunakan pendekatan tafsiran, menggunakan logik abduktif berdasarkan ontologi idealis dan epistemologi konstruksionis. Kajian ini telah dijalankan di Daerah Serian, Sarawak. Populasi kajian ini terdiri daripada dua kumpulan: i) peserta program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang tinggal di kawasan luar bandar; dan ii) bukan peserta program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang tinggal di kawasan luar bandar. Sejumlah 50 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Data dalam kajian ini telah dikutip dengan menggunakan teknik temubual mendalam dan perbincangan kumpulan secara informal. Hasil kajian mendapati konsep penyertaan yang difahami oleh komuniti Bidayuh bukan hanya terhad dalam peringkat pelaksanaan tetapi turut melibatkan peringkat perancangan, penilaian dan pemantauan. Sementara itu, konsep keperkasaan pula merujuk kepada kemampuan mereka dalam memahami, menginterpretasi masalah yang dihadapi dan kemudiannya mentakrifkan keperluan serta menterjemahkan takrifan keperluan ini kepada proses tindakan melalui penyertaan dalam organisasi itu sendiri. Cadangan untuk tindakan seterusnya dikemukakan kepada agensi pengembangan, perancang pembangunan dan membuat dasar agar lebih memberi penekanan terhadap pendekatan bawah ke atas dalam merangka atau merancang sesuatu program pembangunan komuniti.

Kata Kunci: Penyertaan, Keperkasaan, Bidayuh, Pembangunan, Kualiti Hidup

## **Pengenalan**

Kajian ini memberi fokus untuk memahami konsep penyertaan dan keperkasaan komuniti Bidayuh dalam pembangunan komuniti menurut pandangan dunia mereka berdasarkan konstruksi mereka tentang realiti, arah mereka dalam mengkonsepsikan dan memberi makna tentang dunia sosial mereka. Hal ini kerana kajian-kajian lepas jelas menunjukkan bahawa ketidakberkesanan sesuatu program pembangunan untuk meningkatkan kualiti kehidupan sesebuah komuniti khususnya di kawasan luar bandar seringkali dikaitkan dengan sikap kumpulan perencana dalam struktur makro yang gagal memahami kehendak dan aspirasi kehidupan kumpulan sasaran serta realiti dunia sosial mereka (Shamsul, 1977; Fishers, 1998; Horowitz, 1998; Sen, 1999; Van Wicklin, 2001). Selain itu juga, penerapan objektif sesuatu rancangan

pembangunan lazimnya menonjolkan dua perkara. Pertama, perencananya adalah ahli ekonomi atau yang telah menerima latihan dalam disiplin ekonomi dan kedua ialah kecenderungan terhadap pendekatan konstruk teori Rostow yang mementingkan perubahan daripada tradisional kepada modenisasi yang bersifat unilinear tanpa mengambil kira kesesuaian kepada sesuatu komuniti terutama sekali dari aspek sosiobudaya dan penerimaan terhadap modenisme (Sanjaya et al., 2005). Tumpuan utama rancangan pembangunan ialah rancangan pembangunan ekonomi yang hanya mengutamakan pertumbuhan ekonomi dan perubahan sosial sebagai pengukur kejayaan pembangunan (Shamsul, 1977; Sen, 1993).

Selain daripada itu juga, sebab utama kajian ini diberi perhatian adalah kerana amat kurang kajian yang dilakukan terhadap komuniti Bidayuh terutama sekali yang memberi tumpuan terhadap konsep penyertaan dan keperkasaan dari sudut pandangan dunia mereka sendiri. Keadaan ini sedikit sebanyak telah menyebabkan pemahaman dan pengetahuan tentang keperluan dan kehendak komuniti ini kurang jelas dan seringkali dipinggirkan. Tambahan pula, keperluan dan kehendak adalah merupakan dua konsep yang berbeza. Keperluan merujuk kepada kategori khusus matlamat sangat yang relevan dengan kesemua manusia dalam usaha untuk mengelakkan diri daripada kehancuran. Manakala, kehendak atau kemauan adalah diperolehi daripada sesuatu yang disukai oleh individu dan persekitaran budaya (Lavers, 2008). Keadaan ini seterusnya telah menyebabkan rancangan-rancangan pembangunan yang direncanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti kehidupan komuniti ini acapkali mengalami kegagalan (Ngidang & Abdul, 1999; Ngidang, 2002). Kesan daripada itu, komuniti ini telah digambarkan oleh orientalis Barat sebagai komuniti yang mempunyai nilai-nilai budaya yang malas, sukar untuk berubah, tidak mempunyai cita-cita yang tinggi, menyerah kepada takdir dan mempunyai ciri-ciri tradisional yang dianggap penghalang kepada pembangunan (Walker, 1998; Minos, 2000; Madeline, 2004). Walau bagaimanapun, gambaran ini pada hakikatnya boleh dipertikaikan kesahihannya.

## **Permasalahan Kajian**

Kajian-kajian lepas secara jelas telah mengaitkan isu kemiskinan di kalangan komuniti Bidayuh ini dengan sikap dan tindak tanduk komuniti Bidayuh itu sendiri yang dianggap malas, tidak mahu berubah, sikap takut mencuba, kurang keyakinan diri dan sukar menerima perubahan ( Walker, 1998; Minos, 2000). Terdapat juga kajian lain yang menghubungkan isu ini dengan dasar rancangan pembangunan yang terlalu ke depan iaitu melangkaui pemikiran dan kehidupan komuniti Bidayuh

itu sendiri (Songan, 1993; Hew Sim, 2001). Sesetengah kajian turut mengaitkan masalah ini dengan kesan tindakan pengambilan tanah hak adat pribumi oleh kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan (Minos, 2000) dan kadar keciciran persekolahan yang tinggi (Madeline, 2004) serta polisi pembangunan DEB dan NDP (*New Development Policy*) yang berat sebelah antara intraetnik iaitu antara Bumiputra Minoriti dan Melayu (Madeline, 2004). Walau apapun alasan yang diberikan, punca utama yang membawa kepada masalah ini perlu dikaji secara holistik dan menyeluruh agar ia dapat memberi ruang dan keadilan yang sempurna dan tidak prejedis kepada mana-mana pihak. Salah satu daripadanya ialah dengan melihat sama ada rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan agensi yang bertanggungjawab seiring dengan keperluan dan aspirasi pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri.

Sememangnya, telah banyak kajian dijalankan di Malaysia berkenaan dengan isu-isu kemiskinan dan keberkesanan rancangan-rancangan pembangunan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang agak sinonim dengan strategi serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat (Norlaila & Noorasiah, 2003; Chamhuri & Norshamliza, 2006). Terutama sekali dalam usaha menangani isu-isu kemiskinan tegar yang wujud dalam kalangan Bumiputra khususnya dalam kalangan etnik Dayak di Sarawak (Ngidang, 2002; Richard & Jayum, 2004). Kajian-kajian ini, mendapati bahawa kegagalan rancangan-rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia terhadap komuniti luar bandar bukan sepenuhnya disebabkan oleh ketiadaan tindakan atau sikap tidak peduli pihak kerajaan dalam membantu pihak yang miskin (Colin, 2004; Ong, 2007). Tetapi dalam mana-mana kes sebelum ini, kemelut ini timbul disebabkan terdapatnya andaian utama bahawa wujud jurang yang besar antara pihak perancang iaitu pihak kerajaan dengan pihak penerima rancangan pembangunan dari aspek kesampaian maklumat (Wan Zawawi, 2001; Ngidang & Abdul Rashid, 1999).

Kedua-dua pihak dikatakan mempunyai pemahaman yang berbeza bukan sahaja dari segi pendekatan tetapi juga dari segi pemahaman tentang konsep kemiskinan itu sendiri (Wan Zawawi, 1998). Pihak perancang atau perencana program seringkali menggunakan pendekatan simbolik yang lebih bersifat integratif dan holistik. Ia berdasarkan pemerhatian dan bercorak konstruk metodologi yang dibentuk sesuai dengan batasan-batasan disiplin untuk mengkaji aspek-aspek proses dan ke arah perubahan (Jomo, 1995). Di sebalik itu, pihak penerima rancangan pembangunan pula dikatakan menggunakan pendekatan berdasarkan pengalaman diri, keperluan, dan aspirasi mereka. Walaupun begitu, pada hakikatnya masing-masing mempunyai matlamat yang sama untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap kualiti

kehidupan (Asnarulkhadi, 1996). Perkara ini merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada kajian ini dilakukan untuk melihat sama ada andaian yang dikemukakan ini tepat atau berkemampuan untuk menerangkan dilema yang menghantui kegagalan rancangan pembangunan yang dilaksanakan di kawasan penempatan komuniti Bidayuh luar bandar di Sarawak.

Selain itu, kegagalan rancangan pembangunan turut dikaitkan dengan beberapa aspek seperti penekanan terhadap pendekatan atas-bawah yang merupakan pemasukan kuasa tanpa penyertaan aktif ahli-ahli komuniti (Xu & Chow, 2006; Sharina & Hood, 2007), pemahaman yang terhad tentang keperluan dan aspirasi penerima rancangan (Colin, 2004), struktur pentadbiran yang lemah (Chambers, 1994; Foley & Martin, 2000), pemahaman yang dangkal dan sempit tentang konseptual dan ukuran kemiskinan (Haris, 2004), peminggiran terhadap pengetahuan, kepercayaan dan sistem sosial kumpulan sasaran (Fishers, 1998; Ong, 2007) dan akhir sekali aspek penyertaan dan keperkasaan penduduk (Itzhaky & York, 2000; Haris, 2004).


## **Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini ialah untuk memahami konsep penyertaan dan keperkasaan komuniti Bidayuh melalui pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri. Pemahaman yang jelas tentang konsep penyertaan dan keperkasaan yang dikonstrukt daripada pandangan dunia komuniti Bidayuh ini akan menyumbang kepada pengertian yang mendalam tentang keperluan dan kehendak komuniti ini dalam kehidupan harian mereka.

## **Latar Belakang Kawasan Kajian Secara Ringkas**

Daerah Serian terletak di bawah pentadbiran Bahagian Samarahan dan ditadbir oleh seorang Residen selepas Samarahan secara rasminya dijadikan sebagai Bahagian pada 1 Januari 1987 (Sarawak, 2008). Setiap daerah ditadbir oleh Pegawai Daerah. Manakala, Daerah Kecil pula ditadbir oleh Pegawai Tadbir (Pejabat Residen Samarahan, 2009; Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri, 2010). Daerah Serian sebenarnya merupakan sebuah daripada empat daerah yang terdapat dalam Bahagian Samarahan, Sarawak (Unit Perancang Negeri Sarawak, 2007) (sila lihat Rajah 1.1). Dari segi sejarah awal penubuhannya, Daerah Serian ditubuhkan dalam tahun 1901 dan dikenali sebagai Daerah Sadong . Pada bulan Februari tahun 1955, ianya dikenali sebagai Serian (*Upper Sadong*) setelah Simunjan (*Lower Sadong*) dipisahkan dan masing-masing dinaiktaraf sebagai daerah penuh.

Daerah Serian meliputi kawasan seluas kira-kira 2,106 kilometer persegi dan terletak kira-kira 64 kilometer ke selatan Bandaraya Kuching atau satu jam perjalanan dari Bandaraya Kuching dan mempunyai sebuah daerah kecil, iaitu Daerah Kecil Tebedu yang merupakan Pintu Masuk Utama (*International Border Crossing*) bagi Malaysia/Indonesia (di Sarawak) (Sarawak, 2004). Daerah Kecil Tebedu ini terletak 43 kilometer dari Bandar Serian. Daerah Serian secara amnya bersempadan dengan Bahagian Kuching di kawasan utara, Daerah Simunjan di kawasan timur dan Kalimantan Barat, Indonesia di kawasan selatan. Daerah Serian mempunyai sebuah bandar utama dan tujuh pekan kecil yang menjadi pusat urusniaga penduduk daerah ini (Sarawak, 2007). Bandar utama tersebut dikenali sebagai Bandar Serian dan merupakan antara salah satu daripada bandar di Sarawak yang dipilih dalam Program Bandar Sejahtera sejak tahun 2001. Penduduk setempat pula menamakan bandar ini sebagai bandar persinggahan (Sarawak, 2007). Ini adalah kerana kedudukannya yang berada di laluan perjalanan lebuh raya Pan Borneo dan Bandar Mutiara, Tebedu. Para pengguna di laluan berkenaan selalunya berhenti sama ada untuk berasah seketika, membeli barang kraftangan dan makanan atau menggalas perut sebagai bekalan untuk menempuh perjalanan seterusnya. Manakala, pekan kecil yang terdapat di Daerah Serian pula terdiri daripada pekan Baki Lama dan pekan Baki Baru, pekan Balai Ringin, pekan Tarat, pekan Tebakang, pekan Mongkos, pekan Tebedu lama dan Bandar Baru Mutiara. Hampir kebanyakan pekan-pekan kecil ini mempunyai sekurang-kurangnya 20 buah rumah kedai. Bandar Baru Mutiara pula terletak 3 kilometer dari Kompleks Imigresen Tebedu. Bandar Baru Mutiara dibina pada tahun 1993 dan mempunyai 68 buah rumah kedai.



**Rajah 1.1 : Peta Masar Menunjukkan Lokasi Daerah Serian Di Mana Tinjauan Lapangan Dilakukan**

Pada hakikatnya, kira-kira 90 peratus kampung-kampung di Daerah Serian ini dapat dihubungi melalui jalanraya utama yang secara keseluruhannya adalah berbatu atau berturap (Sarawak, 2007). Namun, terdapat juga beberapa buah kampung yang masih lagi dihubungi dengan jalan raya jenis tanah merah ataupun batu kelikir dan perhubungan sungai terutamanya bagi kampung-kampung yang lokasinya terletak jauh di kawasan pedalaman seperti di kawasan zon Mongkos, Kedup dan Tebedu serta beberapa buah kampung yang terletak berhampiran dengan sempadan Malaysia-Indonesia. Kebanyakan daripada kampung di kawasan ini juga dikenalpasti tidak mempunyai kemudahan asas yang sempurna dan terhad dari segi kesampaian terhadap teknologi maklumat, jaringan pengangkutan atau perhubungan, penggunaan bekalan air paip yang bersih dan kemudahan elektrik. Hanya 16,171 pengguna telah dilaporkan menikmati kemudahan elektrik 24 jam di Daerah Serian (Sarawak, 2007). Jalan raya utama yang terdapat di Daerah Serian adalah terdiri daripada Jalan Serian/Tebedu, Jalan Serian/Mongkos, Jalan Serian/Mantung Marau, Jalan Baki/Riih, Jalan Ensengai, Jalan Tebedu/Pangkalan Amo, Jalan Kuching/Serian dan Jalan Serian/Sri Aman (Sarawak, 2007).

## **Metodologi Kajian**

Pendekatan interpretif dan strategi penyelidikan abduktif telah dipilih untuk diadaptasikan dalam kajian ini. Hal ini kerana pendekatan interpretif dan strategi penyelidikan abduktif melihat realiti sosial secara sosialnya dikonstrukskan oleh aktor sosial (Blaikie, 2000). Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini penyelidik perlu memahami atau mengenggam secara sosial dunia yang telah diinterpretasikan dalam usaha untuk memahami konsep penyertaan dan keperkasaan aktor sosial. Bertitik tolak daripada itu, pengetahuan saintifik haruslah diperolehi daripada pengetahuan, pengalaman, interpretasi, tindakan dan reaksi aktor sosial dalam dunia aktor sosial itu sendiri. Menurut strategi penyelidikan abduktif, apabila penyelidik memasuki dunia kehidupan aktor sosial untuk mengenggam pengetahuan aktor sosial, realiti sosial sesungguhnya telah dikonstrukskan secara bersama oleh penyelidik dan aktor sosial melalui satu siri dialog atau penceritaan. Justeru itu, dengan menggunakan metodologi ini, tema dan kategori penyertaan dan keperkasaan komuniti Bidayuh menurut pandangan dunia mereka sendiri telah diterokai dan difahami oleh penyelidik. Walau bagaimanapun, penggunaan logik yang digunakan oleh penyelidik untuk mencipta atau mengkonstruksikan kategori kualiti hidup komuniti Bidayuh haruslah selari dengan logik yang telah digunakan oleh aktor sosial untuk mencipta tipifikasi dalam kehidupan harian mereka.

Dalam usaha untuk menjelaskan dengan lebih lanjut perkara ini, proses pembentukan konstruk aktor sosial dan pandangan dunia mereka tentang konsep penyertaan dan keperkasaan telah diperolehi hasil daripada ulasan terhadap prinsip dan teoritikal yang terkandung dalam tiga tradisi utama tentang pembentukan jenis ideal iaitu oleh Weber (1964) yang menyatakan bahawa jenis ideal adalah merupakan satu penciptaan saintis sosial. Tradisi yang kedua berdasarkan hujah dan idea teoritikal Schutz (1976) yang menyatakan bahawa jenis ideal adalah merupakan gabungan antara konstruk saintifik dan konstruk aktor sosial. Seterusnya, tradisi yang ketiga berasaskan hujah dan pendapat yang diperolehi daripada Giddens (1976) yang berhujah bahawa saintis sosial perlu bermula dengan tipifikasi harian, tetapi boleh menggunakan konsep teknikal yang sudah sedia ada wujud untuk membantu mereka dalam mengkonstruk jenis ideal. Sehubungan dengan itu, adalah merupakan satu keperluan untuk menguji kesahihan konstruk saintifik dengan aktor sosial untuk memastikan agar konstruk saintifik tidak lari terlalu jauh daripada konstruk aktor sosial. Proses ini turut melibatkan satu siri dialog khususnya antara penyelidik dan responden. Kajian ini kemudiannya menggunakan pendekatan penyemakan konstruk saintifik Schutz (1976) untuk menyemak kedua-dua hubungan antara konstruk saintifik dan konstruk aktor sosial komuniti Bidayuh luar bandar terhadap konsep penyertaan dan keperkasaan. Justeru itu, kajian ini menggunakan proses penyemakan konstruk saintifik Schutz sebagai satu prinsip atau pendekatan untuk membuat semakan terhadap kesahihan konstruk saintifik.

Populasi kajian ini terdiri daripada dua kumpulan iaitu: i) peserta program SPKR di kawasan pedalaman; dan ii) bukan peserta program SPKR di kawasan pedalaman. Memandangkan penyelidik mempunyai kelemahan atau ketidakupayaan untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan terperinci serta terkini tentang senarai nama penerima program SPKR dalam kalangan komuniti Bidayuh di Daerah Serian, maka kaedah secara rawak untuk memilih responden telah diadaptasikan. Justeru itu, metod persampelan *non-probability* yang terdiri daripada persampelan kuota, persampelan bertujuan, persampelan *snowball* dan persampelan teoritikal telah digunakan dalam kajian ini. Persampelan bertujuan telah digunakan pada peringkat awal kajian untuk memilih dua jenis peserta program SPKR yang mempunyai pelbagai latar belakang atau profil demografi yang berbeza. Penyelidik secara umumnya mempunyai keupayaan untuk mengenalpasti peserta dan bukan peserta program SPKR hasil daripada maklumat yang diperolehi secara lisan daripada rakan-rakan dan saudara mara serta jaringan hubungan dengan ketua-ketua masyarakat di Daerah Serian, Sarawak. Melalui hasil maklumat dan jaringan hubungan ini, penyelidik kemudiannya telah berjaya menghubungi dan mengenalpasti orang

Bidayuh yang terlibat sebagai peserta dalam program SPKR. Hal ini bermakna bahawa persampelan *snowball* sebenarnya telah digunakan secara langsung dalam proses untuk memilih responden dalam kajian ini.


Walau bagaimanapun, penggunaan teknik persampelan *snowball* ini sedikit sebanyak telah menghadkan kepelbagaiannya responden dalam kajian. Untuk mengatasi masalah ini, penyelidik kemudiannya telah menghadiri seminar dan bengkel SPKR yang telah dikendalikan oleh Pejabat Daerah Serian bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang jenis program SPKR dan senarai orang Bidayuh yang terlibat sebagai peserta program dan kawasan yang terlibat dalam program SPKR. Sejumlah dua puluh lima orang peserta program SPKR dan dua puluh lima orang bukan peserta program SPKR telah dipilih dalam kajian ini. Ini bermakna bahawa jumlah responden dalam kajian ini adalah sebanyak lima puluh orang. Saiz tentang sampel kajian ini telah dicapai melalui sokongan yang berterusan terhadap ukuran atau kriteria tentang ketepuan data. Ketepuan teoritikal berlaku atau terjadi apabila tidak terdapat sebarang kategori baru yang muncul dan tidak terdapat data yang relevan yang boleh membincangkan atau bertindak terhadap kategori yang wujud. (Bogdan & Biklen, 1998; Strauss & Corbin, 1990).

### **Konsep Penyertaan Menurut Pandangan Dunia Komuniti Bidayuh Luar Bandar**

Pandangan dunia responden dalam kajian ini tentang konsep penyertaan merujuk kepada persoalan sejauhmanakah mereka terlibat dalam proses membuat keputusan khususnya dalam peringkat perancangan, pelaksanaan, bersama-sama terlibat dalam perbincangan atau mesyuarat, mempunyai ruang untuk menyampaikan pandangan atau idea dan padangan atau idea yang disampaikan oleh mereka telah didengar dan dihayati sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Dalam masa yang sama, mereka juga turut mempunyai kawalan atau pengaruh terhadap keputusan yang telah diambil (sila lihat rajah 1.2). Misalannya, salah seorang daripada responden tersebut iaitu R1 dalam kenyataannya menyatakan bahawa, “penyertaan adalah merupakan proses di mana orang kampung seperti saya mempunyai peluang untuk turut serta dan menyampaikan pandangan atau idea dalam mana-mana proses membuat keputusan tanpa wujudnya sebarang sekatan atau timbulnya perasaan takut. Saya tidak mahu nama saya tiba-tiba disenaraikan sebagai penerima Skim Tanaman Getah, tetapi saya sendiri tidak begitu pasti adakah tanah yang ada pada saya sekarang ini sesuai atau tidak untuk tanaman tersebut. Biarlah program pembangunan yang hendak diberikan kepada kami selari dengan keperluan dan sumber yang ada pada kami”.

Nada yang sama juga turut disuarakan oleh R2, R3, R4, 45. Mereka dalam kenyataan berpendapat bahawa bagi sesiapa yang ingin terlibat dalam program-program pembangunan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan, mereka mempunyai hak untuk terlibat sama dengan pihak kerajaan iaitu duduk satu meja dan duduk satu kerusi dalam proses membuat keputusan khususnya dalam peringkat perancangan. Sementara itu, R5, pula dalam kenyataannya berpendapat bahawa “jangan menyerahkan bulat-bulat proses membuat keputusan kepada agensi kerajaan yang menganjurkan program pembangunan tersebut. Ini kerana tidak semua maklumat dan keperluan orang-orang kampung difahami atau disedari oleh mereka. Mereka hanya duduk di pejabat. Hanya pihak kami yang tahu tentang kekurangan dan kekuatan kami. Biarlah keputusan yang dibuat menguntungkan kedua-dua belah pihak”. Seterusnya, R6 dalam kenyataannya pula menyatakan bahawa, “penyertaan kami dalam proses membuat keputusan adalah lebih penting daripada bantuan nasihat dan teknikal yang disediakan oleh pihak pengajur atau perencana program. Ini kerana orang-orang kampung seperti saya tidak mendapat sebarang faedah atau manfaat sekiranya saya sendiri tidak terlibat dalam proses membuat keputusan. Cuba beritahu saya, macam mana saya hendak tahu bahawa projek atau program pembangunan ini memberi manfaat kepada saya kalau saya tidak ikut serta? Orang-orang kampung sekarang bukan macam dulu yang amat mudah untuk ditipu, dipujuk dan dirayu. Kita ada pengetahuan sendiri dan kita tahu selok belok *pimaan binua*”(tanah kampung) seperti *damun* (tanah adat individu) di kampung ini yang bagus untuk aktiviti pertanian”.

Pendapat yang sama juga turut dikongsi bersama oleh R7. Beliau dalam kenyataannya dipetik berkata bahawa, “pihak pengajur program pembangunan seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak, Pejabat Daerah dan Jabatan Kebajikan haruslah membincangkan terlebih dahulu program-program pembangunan yang ingin dijalankan dengan orang-orang kampung. Biarlah kita berkongsi pengetahuan kita secara bersama khususnya dalam aktiviti pertanian. Proses-proses perbincangan antara orang-orang kampung dan agensi-agensi kerajaan haruslah bersifat dua hala iaitu kedua-dua belah pihak mempunyai ruang untuk menyampaikan idea atau pandangan mereka sama ada dalam proses membuat keputusan ataupun dalam proses pelaksanaan program”.



**Rajah 1.2: Kategori dan tema konsep penyertaan dan keperkasaan komuniti Bidayuh luar bandar**

Rata-rata responden dalam kajian ini kemudiannya telah meletakkan kedudukan penyertaan mereka dalam proses membuat keputusan sebagai proses yang paling tidak efektif. Ini adalah kerana hampir kesemua proses membuat keputusan yang merangkumi aspek perbincangan, sesi dialog dan mesyuarat seringkali dilakukan oleh pihak berkuasa tanpa pengetahuan dan kehadiran mereka. R8, misalannya dalam kenyataan beliau menyatakan, “orang yang dijemput untuk menghadiri mesyuarat dan sesi dialog biasanya terdiri daripada sanak saudara dan sahabat handai serta orang yang dikenali oleh mereka sahaja. Orang-orang seperti kami tidak dijemput hadir”. R10 dan R11 pula berpendapat bahawa, “kebanyakan pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam proses membuat keputusan lazimnya jarang mendengar pandangan atau komen daripada orang-orang yang menghadiri mesyuarat tersebut. Mereka tidak pernah memberi ruang yang sewajarnya untuk kami mencelah atau menyuarakan pendapat dan pandangan kami. Masa yang diperuntukan untuk berdialog juga sangat terhad. Keadaan ini telah menyebabkan hampir kebanyakan keputusan yang dibuat adalah berdasarkan pemahaman dan sudut pandangan para pegawai itu sendiri. Tambahan pula, keputusan yang dibuat oleh mereka lazimnya

tidak boleh dipengaruhi oleh orang-orang kampung". Seterusnya, R12 dalam kenyataannya menyatakan bahawa, "orang kampung sepatutnya mempunyai hak untuk turut serta dalam proses membuat keputusan tentang program-program pembangunan yang ingin dilaksanakan di kampung ini. Berilah kami ruang untuk menyuarakan pandangan dan pendapat kami. Kami sedar bahawa kami ini tidak sekolah tinggi dan miskin, tetapi kami mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang cukup luas yang kami rasakan perlu diterapkan dalam program pembangunan tersebut. Tanpa kerjasama daripada pihak kami, saya fikir program pembangunan ini akan mengalami kegagalan sebagaimana projek pembangunan yang dilaksanakan sebelum ini. Orang yang mendapat untung sebenarnya ialah para kontraktor yang telah dilantik oleh pihak kerajaan dan bukannya pihak kami".

Terdapat juga segelintir responden dalam kajian ini yang menganggap penyertaan mereka dalam proses membuat keputusan tentang perancangan atau pelaksanaan sesuatu program adalah tidak relevan dan tidak perlu. Hal ini kerana mereka menganggap agensi kerajaan yang menganjurkan program atau projek pembangunan tersebut adalah lebih arif dan berpengetahuan jika dibandingkan dengan mereka. Malah, mereka juga meletakkan harapan dan kepercayaan yang terlalu tinggi terhadap para pegawai tersebut. Sebagai contoh, R13 dalam kenyataannya menyatakan bahawa, "saya fikir penyertaan orang-orang kampung dalam proses membuat keputusan tentang pelaksanaan sesuatu projek tidak begitu penting. Hal ini kerana pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam proses tersebut lebih arif dan lebih berpengetahuan daripada kita. Mereka semuanya berpendidikan tinggi dan mempunyai pengalaman yang cukup luas. Bagi saya, baik kita serahkan kesemua proses membuat keputusan kepada para pegawai tersebut. Perkara yang penting bagi saya ialah kita harus memberikan sokongan yang padu dan jitu bagi memastikan program pembangunan tersebut berjaya dan memberi keuntungan yang besar kepada kita. Tidak mungkin kerajaan bertindak zalim dan menipu kita". Nada yang sama juga turut disuarakan oleh R14. Beliau dalam kenyataannya menyatakan bahawa, "saya rasa pihak kerajaan lebih arif tentang proses membuat keputusan. Orang macam saya ini hanya mampu menyampaikan pandangan dan idea sahaja. Kadang-kadang idea dan pengetahuan yang disampaikan oleh pihak kerajaan bagi saya adalah lebih baik berbanding dengan idea dan pandangan yang saya sendiri sampaikan. Bukan kerana saya tidak yakin dengan pengetahuan dan pengalaman yang ada pada saya. Tidak mungkin kerajaan sanggup menipu rakyat".

## **Konsep Keperkasaan Menurut Pandangan Dunia Komuniti Bidayuh Luar Bandar**

Keperkasaan menurut majoriti responden dalam kajian ini adalah merujuk kepada satu proses apabila individu atau sesuatu kumpulan berada pada tahap yang mana mereka berkemampuan untuk menggunakan kebolehan, kemampuan dan kapasiti diri mereka sendiri. Selain itu juga, ia turut melibatkan kemampuan mereka dalam memahami, menginterpretasi masalah yang dihadapi dan kemudiannya mentakrifkan keperluan serta menterjemahkan takrifan keperluan ini kepada proses tindakan melalui penyertaan dalam organisasi itu sendiri (sila lihat rajah 1.2). Majoriti responden dalam kajian ini turut mengakui bahawa komponen utama keperkasaan adalah merangkumi kemampuan individu tersebut untuk mendapatkan lebih banyak kawalan dalam menentukan kehidupan mereka dan kemampuannya melahirkan idea atau gagasan yang boleh dikongsikan dengan pengamal dalam kerja sosial, kerja komuniti dan kerja kumpulan. Perkara ini dinyatakan oleh R1 dalam kenyataanya seperti yang berikut:

Saya telah melibatkan diri dalam program SPKR iaitu program peningkatan pendapatan selama dua tahun. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini bukan kerana saya marah dengan pihak kerajaan. Cuma saya rasa apa yang perlu kerajaan buat melalui Jabatan Pertanian atau agensi lain ialah membawa kami untuk berbincang bersama-sama dengan mereka dalam merangka program atau projek pembangunan yang sesuai untuk kami. Saya ada banyak idea dan buah fikiran. Tetapi kerajaan tidak memberi kami peluang untuk berbincang. Kami tidak mahu hanya terlibat sebagai peserta sahaja, tetapi tidak ada kuasa untuk melahirkan idea atau gagasan untuk melaksanakannya. Kami kalau boleh mahu kerajaan memberi banyak kursus dan latihan kepada kami, agar kami boleh berdikari sendiri dan berani membuat keputusan sendiri dalam menentukan kehidupan kami sebagai petani.

Pandangan yang sama turut dinyatakan oleh R2 dalam kenyataan beliau seperti yang berikut:

Hidup saya lebih bermakna sekiranya saya diberi peluang untuk memperkasakan diri saya dengan beberapa jenis latihan dan kursus yang sesuai dengan kehendak dan sumber yang ada pada saya sendiri. Kalau saya terpilih sebagai peserta program SPKR pada suatu hari nanti, saya tidak mahu hanya terlibat sebagai penerima program tetapi tidak mempunyai ruang dan peluang untuk menyatakan idea dan pengetahuan saya sendiri. Ini menunjukkan saya ini seolah-olah seperti seorang pekerja yang bekerja untuk merealisasikan matlamat pihak kerajaan dan bukannya matlamat saya. Saya tidak mahu begini, saya mahu saya diberi peluang untuk mempunyai kekuasaan dan menonjolkan

diri dalam apa juu aktiviti program yang ingin dirancangkan. Saya melihat aspek keperkasaan sangat penting dalam kehidupan saya, disebabkan saya ingin berdikari dan seterusnya mempunyai kemampuan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung khusus mengerjakan tanah saya dengan tanaman komersial seperti kelapa sawit dan lada hitam. Inilah merupakan impian hidup saya yang sebenarnya. Tidak ada gunanya kerajaan memberikan banyak kursus dan latihan sekiranya saya tidak tahu mengaplikasikannya untuk memajukan diri saya.

Sementara itu, R3 pula melihat keperkasaan bukan hanya tertumpu pada keupayaan yang terdapat dalam bahan-bahan yang bersifat material seperti peralatan, baja, sumber kewangan, sumber pengeluaran seperti tanah dan mesin tetapi juga turut melibatkan keperkasaan dalam bentuk sikap dan kemahiran berinteraksi dengan orang lain. Hal ini kerana sikap dan kemahiran berinteraksi dengan orang lain adalah merupakan unsur yang sangat penting dalam usaha untuk memulakan perniagaan, mencari rakan niaga dan pembeli serta mengembangkan perniagaan. Selain daripada itu, ia turut digunakan sebagai sumber utama untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak pembeli khususnya pihak pemberong. Menurut Jampong lagi, walaupun Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA) ada membantu, namun bantuan dan pertolongan yang diberikan sangat terhad. Malah dalam beberapa keadaan, harga borong yang ditawarkan oleh FAMA lebih rendah daripada harga yang ditawarkan oleh orang tengah iaitu pemberong.

Terdapat juga sesetengah responden yang membangkitkan tentang aspek kapital sosial sebagai satu usaha untuk memperkasakan para peserta program SPKR. Menurut mereka kapital sosial merujuk kepada norma, institusi dan hubungan sosial yang membentuk kualiti interaksi sosial dalam masyarakat yang kemudiannya memungkinkan ahli komuniti dalam komuniti tersebut dapat bekerja sama antara satu sama lain. Misalannya, R5 berpendapat bahawa kapital sosial haruslah merangkumi aspek-aspek seperti sokongan sosial, hubungan sosial, kemahiran dan maklumat. Aspek-aspek ini merupakan aset yang sangat penting bagi seseorang individu untuk terus sentiasa berkeyakinan apabila berurusan dengan masalah yang dihadapi oleh mereka. Justeru itu, R6 telah menyarankan agar aspek-aspek ini haruslah diperkasakan dan diberikan perhatian secara menyeluruh dalam diri para peserta program SPKR bagi memastikan para peserta yang tamat dalam program ini sekurang-kurangnya dapat berdikari sendiri dan seterusnya berupaya untuk meningkatkan tahap pendapatan mereka ke arah yang lebih baik. Pendapat R6, ini secara umumnya turut dipersetujui oleh R7 sambil menyatakan bahawa aspek keperkasaan para peserta perlulah bersifat pelbagai dimensi dan tidak hanya tertumpu kepada satu bentuk sahaja. Ini adalah kerana konsep keperkasaan merupakan

konsep yang merujuk kepada kemampuan untuk mendapatkan kawalan yang lebih dan kemampuan untuk merangka strategi secara kolektif dalam meningkatkan tahap kehidupan mereka. Justeru itu, R8 kemudiannya mengharapkan agar konsep keperkasaan haruslah diperjelaskan secara mendalam dan tidak hanya terhad dalam peringkat kehadiran dalam mesyuarat dan pelaksanaan sahaja. Konsep penyertaan haruslah dilihat secara menyeluruh dan merangkumi pelbagai peringkat iaitu peringkat perancangan, pelaksanaan dan penilaian serta perkongsian manfaat. Hal ini kerana, walaupun mereka terlibat secara aktif dalam setiap program yang dianjurkan, namun ini tidak bermakna bahawa mereka mempunyai tahap keperkasaan yang tinggi.

Nada yang sama turut disuarakan oleh R9 sambil menekankan betapa pentingnya perubahan dalam diri individu itu sendiri yang merangkumi aspek-aspek seperti sikap yang lebih positif terhadap kehidupan, mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dalam menyelesaikan masalah dan akhir sekali mempunyai tahap kawalan emosi yang tinggi. Perubahan-perubahan ini seterusnya akan membantu individu tersebut untuk lebih berani menghadapi risiko khususnya dalam bidang perniagaan dan penanaman tanaman komersial seperti kelapa sawit. Atas dasar tersebut, R10 kemudiannya mencadangkan agar kekerapan penyertaan orang Bidayuh dalam peringkat perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian haruslah ditingkatkan dan diperbanyak dari masa ke semasa. Ini adalah kerana semakin tinggi darjah penyertaan para peserta dalam peringkat-peringkat ini, maka semakin tinggi tahap keperkasaan para peserta.

Walau bagaimanapun, pendapat R10 ini tidak dipersetujui oleh R11. Beliau berpendapat bahawa penyertaan para peserta dalam peringkat perancangan dan penilaian adalah sesuatu yang mustahil dan sukar untuk direalisasikan. Ini adalah kerana kebanyakan daripada aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam program SPKR sudah siap dirangka dan ditentukan oleh pihak kerajaan. Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan agar keperkasaan para peserta ditingkatkan dengan cara meningkatkan sistem kepimpinan dalam komuniti iaitu pucuk kepimpinan ketua kampung. Kelemahan dalam sistem kepimpinan telah menyebabkan ahli komuniti tidak mempunyai keupayaan untuk menyuarakan kehendak dan permasalahan mereka kepada pihak atasan bagi mendapatkan perhatian khusus dalam pembangunan. Kelemahan dalam sistem kepimpinan di peringkat kampung dan komuniti telah menyebabkan mereka sukar untuk mencari dan mengenalpasti saluran yang sesuai untuk menyuarakan masalah dan kehendak mereka dalam pembangunan. Justeru itu, satu-satunya cara bagi mereka menyuarakan masalah ialah melalui lawatan Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen sama ada semasa pilihan raya ataupun hasil lawatan secara berkala oleh ADUN dan Ahli Parlimen sambil diiringi oleh pegawai-pegawai kerajaan. Walau bagaimanapun, penggunaan saluran ini sebagai satu mekanisme yang paling berkesan masih lagi diragui. Sementara itu, R12 pula mencadangkan agar tempoh masa peserta yang terlibat dalam program SPKR haruslah dipanjangkan daripada setahun sekarang ini kepada tiga tahun pada masa akan datang. Hal ini kerana semakin lama tempoh para peserta dalam program SPKR, semakin tinggi tahap keperkasaan individu.

